

Jilid III  
Bil. 37



Hari Jumaat  
1hb November, 1985

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:**

Cuti V.B. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron  
Y.B. Dato' Haji Ngah bin Haji Abdul Rahman—Kebenaran  
[Ruangan 6009]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 6009]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan, 1986 [Ruangan 6048]

**USUL:**

Anggaran Pembangunan, 1986 [Ruangan 6048]

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.s.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI Uus (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbaian Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN Au How CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

Yang Berhormat DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

„ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

„ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).

„ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).

„ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

„ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).

„ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).

„ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

" TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).

„ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

„ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).

„ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.MJ. (Ulu Padas).

„ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).

„ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).

„ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).

„ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).

„ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).

„ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).

„ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

„ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).

„ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).

„ DATO' SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).

„ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).

„ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).

„ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).

„ TUAN MARK KODING (Kinabalu).

„ DR KOH TSU KOON (Tanjong).

„ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

„ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

Yang Berhormat DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

- .. DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- .. DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Metaka).
- .. TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- .. TUAN LING SIE MING (Sibu).
- .. TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.U., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- .. DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- .. DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- .. TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- .. DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.U., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- .. TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).

- Yang Berhormat DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,  
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- " TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M,  
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik  
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir **M**as).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir  
Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,  
K.M.N. (Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

*Pemberita-pemberita:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhoor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**

**Jumaat, 1hb November, 1985**

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

**DOA**

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN TIMBALAN  
YANG DI-PERTUA**

**Cuti Y.B. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron dan Y.B. Dato' Haji Ngah bin Haji Abdul Rahman—Kebeharuan.**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada:

1. Y.B. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron, Ahli bagi Kawasan Baling dari 18hb November, 1985 hingga 27hb November, 1985; dan
2. Y.B. Dato' Haji Ngah bin Haji Abdul Rahman, Ahli bagi Kawasan Ledang dari 4hb November, 1985 hingga 6hb Disember, 1985.

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**RACUN MAKHLUK PEROSAK  
"PARAQUAT"**

**1. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada

beliau sedar ubat racun serangga "Paraquat" telah mencabut banyak nyawa, pekerja-pekerja di sektor perladangan, akibat kegagalan pihak Lembaga racun makhluk Perosak serta pihak Kementerian Kesihatan bagi mengadakan kawalan ketat terhadap penggunaan racun perosak, memandangkan ini inginkah pihak Kementerian membawa perubahan dalam Akta racun Makhluk Perosak 1974—supaya ia lebih bermakna.

**Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian sedar mengenai adanya laporan kematian diakibatkan oleh racun makhluk perosak iaitu Paraquat. Pada tahun 1980 sejumlah 140 orang dilaporkan mati dan tahun 1984, 262 orang. Tetapi tidaklah tepat sekiranya kesalahan itu dibebankan kepada Lembaga Racun Makhluk Perosak.

Satu peraturan untuk mengawal dengan lebih ketat racun makhluk perosak yang amat. bisa seperti Paraquat sedang disediakan di peringkat akhir di bawah seksyen 57 (1) (e) Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

Buat masa ini Kementerian Pertanian tidak bercadang membuat apa-apa perubahan dalam Akta Racun Makhluk Perosak 1974 atau mengharamkan Paraquat.

**PEJABAT POS—KESESAKAN**

**2. Tuan Ban Hong Keong** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

(a) sama ada beliau sedar

kesesakan yang kerap kali berlaku di pejabat-pejabat pos daerah di seluruh negara yang disebabkan oleh berbaris-baris orang yang sedang menunggu membayar bil-bil air, elektrik dan telefon mereka masing-masing, umpamanya di pejabat pos daerah Batu Gajah. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini; dan

- (b) adakah Kementerian beliau menimbang akan menentukan beberapa bank-bank untuk bertindak sebagai agen-agen pemungutan bagi tujuan ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong);** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan,

- (a) Saya sedar bahawa kesesakan berlaku di pejabat-pejabat pos di dalam sesuatu daerah. Kesesakan ini adalah disebabkan bahawa bilangan bil air, bil elektrik dan bil telefon dan lain-lain yang dibayar di pejabat-pejabat pos telah bertambah lebih daripada tiga kali ganda semenjak sistem bayaran setempat diperkenalkan dalam tahun 1982 iaitu daripada 4,908,719 bil kepada 15,275,899 bil dalam tahun 1984. Oleh kerana terdapat banyak jawatan yang tidak dapat diisi, bagi mengatasi masalah ini Jabatan Perkhidmatan Pos telah membekalkan 83 buah mesin penerimaan bil ataupun receipting machines ke pejabat-pejabat pos dan 7 buah mesin penerimaan kepada pejabat-pejabat pos bergerak di seluruh negara termasuk di pejabat pos Batu Gajah di mana 2 buah mesin telah pun dibekalkan

iaitu satu di sebuah kaunter dan satu lagi di pejabat pos bergerak yang dikawal oleh Batu Gajah. Malahan mesin yang dibekalkan di kaunter Pejabat Pos Batu Gajah telah pun digantikan dengan sebuah yang lain yang mempunyai keupayaan yang lebih tinggi untuk mengadakan perkhidmatan yang lebih lagi di pejabat pos itu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, mesin-mesin penerimaan seperti ini akan terus dibekalkan ke pejabat-pejabat pos yang lain di seluruh negara dari masa ke semasa jika peruntukan wang mengizinkan.

- (b) Jabatan Pos hanya bertindak sebagai wakil ataupun agen menerima bil air, elektrik dan telefon. Dengan itu ia tidak mempunyai kuasa menentukan bank-bank yang patut menjadi agen pemungutan. Walau bagaimanapun, sebagai usaha tambahan, Jabatan Perkhidmatan Pos telah memperkenalkan secara percubaan beberapa pejabat pos mini sebagai tempat-tempat bayaran bil air, elektrik dan telefon. Usaha ini akan diperluaskan sekiranya didapati berfaedah.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar bahawa tanggungan kerja pejabat pos sekarang ini meningkat berpuluh kali ganda daripada sebelumnya, tetapi keadaan pejabat pos masih tidak berubah. Pejabat pos adalah punca Kerajaan mendapat hasil yang paling banyak, tetapi Kerajaan tidak menyediakan kemudahan-kemudahan kepada orang ramai, misalnya menyediakan satu tempat untuk menunggu. Jadi, adakah

pihak Kementerian Yang Berhormat bercadang pada masa akan datang akan menyediakan tempat-tempat menunggu, misalnya sebelum membayar bil-bil yang tersebut kerana hari ini sudahlah bil air, bil api, money order dan sebagainya ditambah dengan Tabung Haji, ASN dan sebagainya, kadang-kadang seorang pelanggan itu terpaksa mengambil masa hingga 20 minit, Jadi, patutlah pihak Kerajaan menyediakan kemudahan untuk orang ramai di pejabat pos. Adakah Kementerian Yang Berhormat bercadang untuk berbuat demikian?

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian saya menyedari bahawa terdapat kesulitan-kesulitan tertentu yang tidak dapat diatasi lagi buat masa ini oleh kerana misalnya kita masih mempunyai lebih kurang 690 jawatan yang tidak dapat diisi oleh kerana kedudukan kewangan. Oleh yang demikian, saya ingin merayu Yang Berhormat juga supaya menasihati rakyat kita bersabar kepada pegawai-pegawai pos kita yang pada keseluruhannya yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang bagi rakyat dan negara kita. Memang kita sedar juga bahawa terdapat dalam negara kita masih mempunyai Pejabat-pejabat Pos yang diuruskan oleh seorang sahaja. Dan dalam keadaan-keadaan seumpama ini kita pun cuba sejauh mana yang boleh memberi perkhidmatan yang baik. Dan ada satu perkara yang kita harus timbangkan juga walaupun dalam Pejabat Pos yang ada sekarang ini mungkin mempunyai kekurangan-kekurangan tertentu, kita harus memberi pertimbangan kepada tempat-tempat yang belum mempunyai pejabat pos lagi.

**Tuan Yahya hin Haji Zakaria:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen

Kementerian Tenaga, Pos dan Telekom, sebenarnya adakah beliau sedar bahawa ada di antara pegawai-pegawai ataupun kakitangan pejabat pos ini oleh kerana bosan kerana terlalu ramai mereka yang beratur untuk menunggu giliran atas urusan mereka. Apakah tindakan Kementerian terhadap pegawai-pegawai tersebut, adakah cuba mengatur satu jadual kalau semasa bil-bil itu terlalu banyak orang awam datang, dibuat satu program ataupun menambah pegawai dan sebagainya sementara menunggu mesin yang dikata oleh Setiausaha Parlimen tadi.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang ini kita tidak dapat menambahkan bilangan kakitangan tetapi kita cubalah menasihati pegawai kita memberi perkhidmatan sejauh mana yang boleh.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menerangkan kepada kita betapa beratnya masalah yang dihadapi oleh Kementeriannya. Saya berpendapat keadaan ini barangkali sukar untuk diatasi terutama tentang pengambilan jawatan yang disebutkan tadi sebanyak 600 jawatan, saya tidak tahu entah beberapa-tahun lagi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, memandangkan kepada masalah perbelanjaan yang kian meningkat dalam masalah perkhidmatan pos ini, adakah pihak Kementerian ini bercadang supaya sekurang-kurangnya sebahagian dari perkhidmatan pos ini diswastakan. Sekian.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian saya ini belum ada rancangan untuk menswastakan pejabat pos ini sama ada sebahagiannya ataupun sepenuhnya.

**PERBADANAN ELEKTRIK  
SARAWAK (SESCO)—  
MENGAMBIL ALIH**

**3. Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan telah menetapkan untuk mengambil alih perbadanan Elektrik Sarawak (SESCO) pada 1hb Januari, 1986 jumlah ganti-rugi akan didapati oleh Kerajaan Sarawak selepas Kerajaan Persekutuan mengambil perbadanan tersebut; apakah keuntungan akan dinikmati oleh rakyat Sarawak.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat kawasan Ulu Rajang yang dijadualkan pada 15hb Disember, 1985 yang mana kedua-duanya adalah bersabit dengan pemindahan SESCO sebagai perbadanan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah pernah saya jelaskan di dalam Dewan yang mulia ini semasa sesi tahun 1984 yang lalu iaitu tatkala menjawab soalan daripada Yang Berhormat Bandar Kuching, sebenarnya Kerajaan Persekutuan bukan mengambil alih perbadanan perbekalan elektrik Sarawak atau SESCO dari Kerajaan Negeri sepertimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tindakan yang sedang diambil sekarang ialah untuk memindahkan SESCO dari Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan selaras dengan peruntukan Perlembagaan di mana tanggungjawab bersabit dengan penjaan kuasa elektrik ialah di bawah bidang tugas Kerajaan Persekutuan. Tarikh pemindahan ini belum ditetapkan oleh kerana masa sekarang pihak Kerajaan Negeri Sarawak dan juga pihak Kerajaan

Persekutuan, masih lagi sedang menguruskan pemindahan ini dan tarikhnya akan ditetapkan sesudah semua perkara yang berkait dari urusan pemindahan ini termasuk soalan bayaran pampasan diselesaikan.

Saya tidak pasti maksud Yang Berhormat dari Bandar Sibul menimbulkan soalan tentang keuntungan yang akan dinikmati oleh rakyat Sarawak berikutan dari pemindahan SESCO dari Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

Suka saya mengulangi lagi bahawa perkara elektrik adalah merupakan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Dalam hal ini adalah menjadi hasrat Kerajaan Persekutuan supaya urusan perancangan mengenai pembekalan elektrik di seluruh negara dapat diselaraskan dengan lebih sempurna bagi memastikan bekalan elektrik akan mencukupi demi untuk menampung perkembangan ekonomi negara yang dijangka lebih pesat di masa-masa hadapan.

Seperti Yang Berhormat juga maklum pelaburan dalam bidang pembekalan elektrik melibatkan peruntukan yang amat besar dan dengan itu sudah tentu akan menguntungkan Kerajaan Negeri Sarawak oleh kerana selepas pemindahan ini dikuatkuasakan, peruntukan pembekalan elektrik itu juga sudah tentu akan menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

Dalam hal ini bukan sahaja rakyat Negeri Sarawak dapat menjamin bahawa bekalan elektrik di negeri itu mendapat perhatian yang seimbang dengan bekalan-bekalan elektrik di tempat-tempat lain di negara ini tetapi juga perbelanjaan Kerajaan Negeri yang tidak perlu dikeluarkan akibat terdapat pemindahan ini boleh digunakan oleh Kerajaan Negeri

untuk melaksanakan projek-projek pembangunan lain. Semuanya ini memang memberi keuntungan yang besar kepada rakyat di Negeri Sarawak itu.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan beliau tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan sebutkan bahawa pemindahan SESCO daripada perkhidmatan Kerajaan Negeri kepada perkhidmatan Kerajaan Persekutuan belum dikuatkuasakan dan tarikh untuk pemindahan itu pun belum dipastikan. Soalan saya ialah sama ada pihak Kerajaan Persekutuan mempunyai hak ataupun mempunyai bidang kuasa dari segi perundangan untuk membuat satu keputusan supaya melaksanakan projek Bakun atau tidak. Ini sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tidak berkait.

#### **PINJAMAN PERUMAHAN KOS RENDAH/SEDERHANA**

**4. Tuan Lee Lam Thye:** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa pembeli-pembeli rumah menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pinjaman daripada bank dan institusi kewangan untuk membeli rumah-rumah kos rendah, sederhana mahupun rumah berharga sehingga \$100,000, jika sedar, apakah tindakan yang beliau bercadang untuk mengambilnya ke atas perkara ini;
- (b) oleh kerana pembinaan rumah-rumah dalam lingkungan harga \$25,000 dan \$100,000 akan diberikan keutamaan di bawah Rancangan Malaysia Kelima, adakah Kerajaan boleh

mempastikan sejumlah besar pinjaman perumahan boleh disediakan oleh bank-bank; dan

- (c) berapa banyak pinjaman perumahan yang telah diperuntukkan oleh bank-bank perdagangan dan institusi kewangan untuk tahun-tahun 1982, 1983, 1984 dan sehingga tempoh 30hb September, 1985.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Tan Tiong Hong):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa beberapa pembeli-pembeli rumah menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan bagi membiayai pembelian rumah-rumah kos rendah dan sederhana.

Kerajaan telah pun mengambil tindakan berhubung dengan perkara ini. Baru-baru ini, institusi-institusi kewangan telah digalakkan untuk menggunakan peruntukan pinjaman tahun depan sekiranya mereka telah memenuhi garis panduan yang ditetapkan bagi pembiayaan rumah kos rendah pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan memastikan bahawa pinjaman perumahan melalui institusi-institusi kewangan adalah mencukupi untuk membiayai pembelian rumah-rumah yang berharga dalam lingkungan \$25,000 ke \$100,000 di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semasa membentangkan Belanjawan 1986, Kementerian saya telah mengumumkan bahawa garis panduan institusi-institusi kewangan yang wujud pada masa ini akan dipinda dengan ditentukan bahawa 1/3 dari kuota pinjaman perumahan bernilai kurang dari \$100,000 dikhaskan bagi rumah-rumah yang berharga \$25,000 atau kurang. Di

samping itu Bank Negara Malaysia akan mengadakan peruntukan tambahan sebanyak \$500 juta bagi membiayai pembelian rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh sektor awam.

Pinjaman perumahan yang telah diluluskan oleh bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan bagi tahun 1982, 1983 dan 1984 adalah masing-masingnya sebanyak 26,528 unit, 27,790 unit dan 33,389 unit berbanding dengan keperluan minimum sebanyak 25,000 unit bagi setiap tahun berkenaan. Sehingga bulan Julai, 1985, pinjaman perumahan yang telah diluluskan adalah sebanyak 19,095 unit berbanding dengan keperluan minimum sebanyak 25,000 unit bagi keseluruhan tahun 1985.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dari bilangan 25,000 rumah yang berharga kurang daripada \$100,000 yang hendak diberikan oleh bank-bank dan juga institusi-institusi kewangan untuk memberi pinjaman pada tahun 1986 sama ada peruntukan ini telah digunakan dengan sepenuhnya.

Soalan yang kedua ialah sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa kuota yang telah diamalkan sekarang iaitu 25,000 unit rumah yang hendak diberi pinjaman oleh bank-bank perdagangan dan juga syarikat-syarikat kewangan adalah amat rendah apabila dibandingkan dengan bilangan rumah dalam lingkungan di antara \$25,000 sehingga \$100,000 yang terdapat di dalam pasaran sekarang? Dan saya ingin mendapat tahun daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sama ada Bank Negara akan mengarahkan supaya bank-bank perdagangan dan institusi kewangan

termasuk syarikat-syarikat kewangan akan menambahkan kuota ini supaya lebih ramai pembeli rumah akan berkelayakan untuk mendapat pinjaman?

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, kuota untuk tahun 1986 belum digunakan oleh kerana tadi saya telah pun sebutkan sehingga bulan Julai tahun ini kita hanya meluluskan sebanyak 19,095 unit rumah kos rendah dan kuota untuk tahun 1985 ialah 25,000 unit.

Untuk memberikan jawapan kepada soalan yang kedua, saya pun tadi telah sebutkan bahawa garis panduan baru telah diberi kepada bank-bank dan institusi-institusi kewangan dan kita akan menambahkan dengan seberapa boleh peruntukan untuk khasnya rumah kos rendah yang berharga \$25,000 atau kurang.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada dasarnya memang peruntukan pinjaman untuk rumah kos rendah adalah memuaskan tetapi saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan adakah beliau sedar bahawa bagi memberikan pinjaman-pinjaman kepada mereka yang berpendapat tetap ataupun pekerja-pekerja yang berpendapatan tetap dan mereka yang mempunyai sandaran-sandaran tertentu memanglah mudah untuk mendapat pinjaman tetapi bagaimanakah pula dengan mereka yang tidak mempunyai pendapatan tetap seperti golongan penjaja-penjaja, petani yang mengambil upah dan juga buruh-buruh kontrak yang sudah tentu tidak mempunyai masa hadapan yang baik bagi diterima oleh pihak bank. Jadi bagaimanakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi jaminan bahawa pihak bank dengan peruntukan yang telah

ditetapkan oleh Kerajaan itu boleh memberi pinjaman kepada mereka seperti ini?

Soalan yang kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar bahawa terdapat setengah kawasan di mana pembinaan rumah-rumah itu yang telah diberi melalui pinjaman bank tetapi dari segi infrastrukturnya adalah tidak mengikut standard yang telah ditentukan oleh pihak Kerajaan ataupun mungkin pada peringkat permulaannya infrastrukturnya adalah baik tetapi kemudiannya menjadi rosak terutamanya dari segi jalan dan sebagainya? Adakah juga Kerajaan memperuntukkan di dalam perkara seperti ini?

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tuan yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama, memanglah Kementerian saya sedar bahawa pekerja-pekerja tanpa sandaran seperti penjaja-penjaja dan petani upahan dan juga buruh-buruh kontrak barangkali tidak mudah mendapat pinjaman dan institusi kewangan melalui skim-skim yang saya sebutkan tadi tetapi oleh kerana mereka menghadapi masalah begini, Kerajaan melalui Kementerian yang lain pula adalah menggalakkan kegiatan koperasi untuk membina rumah-rumah kos rendah untuk kategori pekerja yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dan juga mereka ada juga digalakkan untuk mengambil bahagian di dalam rancangan tanah melalui Kementerian lain.

Untuk menjawab soalan yang kedua berkenaan kawasan perumahan dan infrastruktur, ini adalah luar dari tanggungjawab Kementerian saya, tetapi apabila Kementerian Kewangan memberikan peruntukan ke atas sesuatu projek untuk membina rumah kos rendah, anggaran pun telah diberi untuk membolehkan kawasan itu

dimajukan dengan infrastruktur yang sesuai. Kalau kawasan-kawasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu terdapat infrastruktur yang kurang baik, kalau kita dapat maklumat tertentu, kita akan meminta pihak yang berkenaan mengambil perhatian.

#### **PENYATA RASMI PARLIMEN BERCETAK**

**5. Tuan Chan Kok Kit** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah akhir sekali jawapan-jawapan kepada soalan-soalan dalam bentuk cetak disampaikan kepada Ahli-ahli Parlimen, sama ada beliau sedar kelewatan memberi jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan memomokkan coganata "Bersih, Cekap dan Amanah" Kerajaan dan sama ada Kerajaan akan mulai sekarang memastikan bahawa segala jawapan kepada soalan-soalan mulut (tanpa mengira sama ada ia dapat dijawab semasa Soal Jawab atau tidak) termuat dalam Penyata Rasmi harian berbentuk saiklostail dan jawapan-jawapan kepada soalan-soalan bertulis diberi menjelang tamatnya sesuatu mesyuarat Parlimen dan seterusnya Penyata Rasmi dalam bentuk cetakan dicetak dan diedarkan kepada Ahli-ahli Parlimen dalam masa tidak lebih tiga bulan selepas tamatnya sesuatu mesyuarat Parlimen.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob);** Tuan Yang di-Pertua, kali terakhir jawapan-jawapan dalam bentuk bercetak diedarkan kepada Ahli-ahli Parlimen ialah pada 27hb Julai, 1984. Jawapan-jawapan tersebut adalah bagi pertanyaan-pertanyaan yang memerlukan jawapan bertulis bagi Mesyuarat Kedua, Penggal Pertama, Parlimen Keenam yang telah berlangsung dari 14hb hingga 25hb Mac, 1983 yang lalu.

Tindakan-tindakan sedang diambil oleh Jabatan Parlimen untuk membentangkan Penyata Rasmi Parlimen bercetak dalam masa 3 bulan selepas sesuatu mesyuarat Parlimen. Adalah diharapkan bahawa Penyata Rasmi Parlimen bercetak bagi Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Keenam dalam bulan Julai/Ogos 1985 dapat dibentangkan dalam tempoh mesyuarat Belanjawan ini. Tindakan juga sedang diambil mengenai "backlog", dengan izin, Penyata Rasmi Parlimen untuk cetakan selanjutnya dan akan dibentangkan dalam Dewan dalam jangka masa setahun.

Langkah-langkah juga sedang diambil supaya jawapan-jawapan kepada Pertanyaan Jawab Mulut yang tidak sempat dijawab dalam masa Soal Jawab disebabkan kesuntukan masa dimasukkan dalam Penyata Rasmi ParJimen harian.

Berkenaan dengan jawapan-jawapan kepada Pertanyaan-pertanyaan Bertulis, langkah-langkah sedang diambil untuk mempercepatkan percetakan supaya ianya dapat diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam jangka masa yang lebih segera.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi bahawa buku Penyata Rasmi yang telah dicetak akan diedarkan dalam sesi ini iaitu pada tahun 1985 ini. Yang sebenarnya beberapa tahun yang silam hingga kini belum lagi diberi kepada Ahli-ahli Parlimen atau diletak di atas meja sekarang. Sepatutnya hendaklah diedarkan semasa sidang ini atau sebelum Parlimen ini dibubarkan nanti untuk simpanan atau tatapan anak cucu atau kenangan semasa bersara nanti. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalnya Yang Berhormat?

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Soalnya, telah beberapa tahun tidak diberi dan bilakah akan diletakkan di atas meja ini?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya rasa soalan telah pun dijawab,

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, yang dijawab ialah tahun 1985 tetapi sebenarnya tidak ada. Yang telah dijilid pada tahun tujuh puluhan sahaja, tahun 1980 belum lagi.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, yang hendak dipastikan nama Ahli Yang Berhormat ada dalam Penyata Rasmi itu dan insya Allah, saya akan check hal ini. (*Ketawa*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau saya boleh bantu sedikit mengenai soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat ialah bertanya mengenai Hansard daripada tahun 1981, 1982. Jawapan Yang Berhormat Menteri beri ialah jawapan kepada soalan secara bertulis yang ada dikemukakan berlainan daripada Hansard dan jaminan Yang Berhormat Menteri beri tadi ialah bahawa jawapan kepada soalan secara bertulis akan siap dibentangkan di dalam session ini. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu jaminan bahawa untuk semua mesyuarat-mesyuarat yang akan datang bahawa jawapan kepada semua Soalan Bertulis akan dibentangkan di dalam Mesyuarat yang sama.

Yang kedua, tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa soalan untuk Jawapan Mulut, kalau tidak dijawab pada hari itu, jawapannya akan diberi dalam Penyata Rasmi harian secara saiklostail. Adakah Yang Berhormat

Menteri sedar bahawa sistem ini yang bermula pada hari yang pertama mesyuarat ini sudah berhenti selepas 3-4 hari dan kita boleh lihat semalam atau apa yang baru-baru ini (31hb Oktober) soalan-soalan yang tidak dijawab, jawapannya tidak diberi, sungguhpun pada mulanya ada, kenapa begitu cepat sistem ini sudah breakdown, dengan izin.

Yang ketiga, mengenai soalan yang dikemukakan mengenai Hansard tahun 1981 kalau tidak silap, atau 1982, saya tidak tahulah backlog itu, bila semua baglog boleh dihabiskan supaya Parlimen dan rakyat boleh dapat Hansard sekurang-kurangnya tidak lewat daripada satu bulan supaya boleh menjadi satu fokus, satu point untuk rujukan oleh rakyat yang menitikberatkan betapa pentingnya proceedings dalam Parlimen dan bukan Parlimen sebagai satu muzium, tidak mustahak, apa yang dicakap lagi 5 tahun baru dicetak dan baru disiapkan untuk kalangan orang ramai.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya saya mengambil perhatianlah perasaan frustrasi daripada Ahli Yang Berhormat mengenai perkara-perkara yang disebutkan. Walau bagaimanapun, mengenai jawapan yang saya buat kalau ditelitikan daripada soalan memang tepat daripada apa yang telah saya jawabkan dan untuk kita memberi kepastian sama ada benda ini akan kemaskini seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, memang pihak Pejabat Setiausaha Parlimen berikhtiar dalam hal ini dan dari segi pihak Parlimen sendiri kita sedang mencari jalan untuk membantu tenaga-tenaga sekarang ini dengan melengkapkan alat-alat moden untuk mempercepatkan lagi proses catatan dan sebagainya dan kita harap

perubahan akan berlaku tetapi tidak bolehlah saya hendak janji pasti seolah-olah jawapan saya jadi peraturan, segala-galanya akan berjalan dengan licin.

### **PUSAT KESIHATAN DAERAH JULAU**

**6. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Pusat Kesihatan Daerah dibina di Julau untuk menampung penduduk yang berjumlah tiga puluh ribu di mana buat masa sekarang pusat kesihatan yang ada tidak memadai, dan juga untuk menempatkan seorang doktor di situ.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, projek pembinaan Pusat Kesihatan Daerah Julau telah pun diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keempat. Oleh kerana tidak ada peruntukan, pelaksanaan projek ini tidak dapat dimulakan pada masa ini.

Kementerian Kesihatan telah pun memohon semula untuk meneruskan pelaksanaan projek ini dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Seorang doktor akan ditempatkan di Pusat Kesihatan ini apabila Pusat itu siap kelak.

**Dr Leo Michael Toyad:** Soalan tambahan. Saya ingin meminta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Kementeriannya bercadang untuk menempatkan seorang doktor atau pegawai kesihatan dan doktor gigt di semua pekan-pekan yang kini dalam jangka sekarang telah dinaikkan taraf sebagai Pusat Kesihatan Daerah di dalam Rancangan Malaysia Kelima?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bolehkah saya benarkan.

**Dato' K. Pathmanaban:** Dasar Kementerian memang begitu untuk

menempatkan seorang doktor perubatan dan juga seorang doktor pergigian di pusat-pusat kesihatan yang dipusatkan di Ibu Pejabat Daerah itu.

### STADIUM TERTUTUP DI KUCHING

**7. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membantu dalam pembiayaan sebuah stadium bertutup (indoor stadium) baru di Sekolah Rendah Chung Hua No. 3 yang akan dirobuhkan tidak lama lagi kerana Kuching sebagai bandar yang terbesar di Sarawak memerlukan secara mendesak kemudahan seumpama itu.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datin Paduka Chow Poh Kheng):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak mempunyai rancangan untuk membina sebuah stadium tertutup di Kuching atau membantu membiayai perbelanjaan membina sebuah stadium tertutup.

### LAWATAN PERDANA MENTERI KE SABAH

**8. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah beliau akan melakukan lawatan rasmi ke Sabah untuk memperlihatkan keikhlasan dan kesungguhan Kerajaan Pusat dalam menggalakkan hubungan rapat antara Pusat dan Negeri meskipun Sabah mempunyai Kerajaan bukan Barisan Nasional.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Perdana Menteri belum lagi menentukan masanya untuk membuat lawatan rasmi ke Sabah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar

bahawa sebagai Ketua Kerajaan seluruh Malaysia, beliau adalah bertanggungjawab untuk memainkan satu peranan supaya hubungan antara Sabah State dan Federal boleh dijaga khasnya dalam keadaan kini di mana ada satu usaha untuk, dengan izin escalate a constitutional crisis.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi kawalan negeri-negeri oleh Kerajaan Pusat dan juga hubungan di antara negeri-negeri dengan Kerajaan Pusat, ini adalah berjalan dengan baik. Keduanya, saya tidak sedar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat adanya usaha hendak escalate, dengan izin, satu keadaan di sana.

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan berlakunya perbincangan pagi ini di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Ketua Menteri Sabah, apakah perkembangari terbaru mengenai krisis di Sabah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Mana yang Berhormat tahu ada perbincangan pagi ini? (*Ketawa*).

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Saya terdengar dari pihak akhbar.

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berdasarkan soalan asal, nampaknya Wakil dari Kota Melaka ini menimbulkan prasangka terhadap keikhlasan dan juga hubungan baik Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Sabah. Adakah Kerajaan Negeri Sabah pernah menjemput atau meminta Perdana Menteri kita melawat negerinya? Kedua, adakah pernah Negeri Sabah ini meminta pertolongan atau merujuk sebarang tindakan yang dilakukan di dalam negerinya dan

adakah ia pernah minta bantuan, misalnya bantuan wang atau sebagainya? Jika ada, apakah bantuan yang diberi setakat ini?

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, lawatan-lawatan rasmi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada negeri-negeri, ini merupakan proses pentadbiran biasa selepas sama ada difikirkan oleh pihak Kerajaan Pusat ataupun melalui persetujuan antara dua pihak.

Yang keduanya mengenai permohonan bantuan daripada mana-mana negeri dalam Malaysia termasuk Sabah, memang ini merupakan juga perkara biasa sebab bantuan-bantuan mengenai peruntukan Persekutuan melalui Kementerian-kementerian memang sentiasa dibuat ke mana-mana negeri termasuk juga Sabah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri kata kenapa sikap Kerajaan Persekutuan sudah berubah daripada sikap yang dahulu di mana dalam bulan April hampir setiap ahli Kabinet ada di Sabah, termasuk kempenlah. Tetapi selepas 6 bulan ini, kalau tidak silap, seorang Kabinet pun tidak pergi melawat Sabah.

Kedua, adakah perjumpaan diadakan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah pagi ini supaya masalah yang dihadapi oleh kedua-dua pihak boleh diatasi?

Ketiga, apabila Yang Berhormat Menteri mengatakan beliau tidak sedar ada krisis constitutional, bukankah ini sikap seperti dalam tahun 1983 apabila ada constitutional crisis atas pindaan Perlembagaan Kerajaan pun mengambil sikap begitu sehingga rapat umum haram diadakan di seluruh negeri?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan pertama ialah dakwaan atau tohmahan, saya tidak membenarkan. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri boleh menjawab soalan kedua dan ketiga.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan yang dikemukakan itu hanya mengambil perasaan daripada sudut parti Pembangkang DAP mengenai Sabah dan sudah tentu menjadi biasa bagi mereka menuangkan demikian. Dari segi Kerajaan Pusat, memang telah dikatakan bahawa kita sebenarnya tidak mempunyai perasaan yang berbeza di antara satu negeri dengan negeri yang lain. Mengenai soalan yang ketiga tadi, kalau dapat Yang Berhormat menyebutkan sekali lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat ulangi soalan ketiga tadi?

**Tuan Lim Kit Siang:** Kenapa Yang Berhormat Menteri dan pihak Kerajaan selalu datang ke Dewan ini untuk menunjukkan satu sikap yang buta, yang dikata tadi bahawa tidak sedar, bahawa tidak tahu ada krisis constitutional di Sabah yang berlaku pun pada tahun 1983 apabila ada krisis selepas pindaan kepada Perlembagaan mengenai kedudukan Raja-raja, dan oleh kerana saya sendiri ada bertanya di Dewan ini dan jawapan pada masa itu, Oktober, 1983, ialah tidak sedar. Tetapi selepas dua minggu ada rapat umum diadakan di seluruh negara yang haram yang menunjukkan constitutional crisis bukan sahaja besar tetapi sudah dua tiga bulan. Kita mahu satu jawapan yang terang, yang jujur, yang ikhlas dan bukan untuk mislead.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apakah soalnya, Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalnya, bolehkah Yang Berhormat Menteri

jangan berulang apa yang berlaku dalam tahun 1983 dan memberi satu jawapan yang jujur, yang ikhlas mengenai masalah krisis politik, krisis constitutional di Sabah. Apakah tindakan diambil?

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:**

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak perlu pihak DAP menasihatkan cara kita menjawab. Kalau pihak DAP ingin menyatakan sesuatu katalah mengikut nada atau selera mereka sendiri. Jawapan Kerajaan tetap berpandu kepada apa yang kita perlu menjawab. Jadi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak perlulah mengajar pihak Kerajaan yang telah lama berpengalaman mentadbirkan negara ini untuk menyatakan sesuatu kepada Dewan ini.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat faham Yang Berhormat Ketua Pembangkang adalah menjadi juru cakap Kerajaan PBS Sabah. Adakah benar perkara ini? (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini dakwaan, saya tidak membenarkan. Jemput Yang Berhormat dari Bagan Datok.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya bangun tadi waktu Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengeluarkan perkataan biadap di bawah Peraturan 36 (4) Peraturan Dewan, dengan mengeluarkan perkataan "sikap yang buta". Ini adalah perkataan yang biadap dari segi penggunaan bahasa. Jadi saya minta ruling daripada Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apakah soalnya Yang Berhormat?

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, saya tadi bangun Tuan Yang di-Pertua tidak nampak, sewaktu Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka membuat pertanyaan

dan menuduh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai perkataan "sikap yang buta". Pada hemat saya perkataan ini adalah satu perkataan yang biadap yang tidak patut dikeluarkan. Saya minta beliau menarik balik perkataan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dia mahu minta ruling on a point of order, berdiri, bertanya point of order dan meminta satu ruling dahulu, bukan berdiri bercakap semacam ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sila duduk.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, biarkan saya menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa minta satu ruling. Itu bukan satu soalan kepada Yang Berhormat Menteri, dia tiada hak untuk menjawab. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya memutuskan bahawa saya tidak perlu memutuskan (*Ketawa*).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong.

(*Soalan No. 9 Y.B. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong tidak hadir*).

**PEGAWAI KEHAKIMAN/  
PERUNDANGAN MELETAKKAN  
JAWATAN**

**10. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (a) bilangan pegawai-pegawai kehakiman/guaman yang telah meletakkan jawatan dalam tahun-tahun 1982, 1983, 1984 dan sehingga Ogos, 1985;

- (b) bilangan pegawai-pegawai kehakiman dan guaman yang baharu diambil pada waktu yang sama, berturut-turut;
- (c) bilangan pemohon-pemohon bagi jawatan di atas pada waktu yang sama berturut-turut;
- (d) bilangan permohonan di atas yang dipanggil untuk temuduga pada waktu yang sama, berturut-turut; dan
- (e) bilangan pemohon-pemohon yang ditolak pada waktu yang sama berturut-turut.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut:

- (1) Bilangan pegawai-pegawai kehakiman dan perundangan yang telah meletakkan jawatan dalam tahun-tahun 1982, 1983, 1984 dan sehingga bulan Ogos tahun ini adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	
1982 .. . . .	26 orang
1983 .. .. .	29 orang
1984 .. .. .	33 orang
1985 (sehingga Ogos tahun ini)	20 orang
Jumlah ..	<u>108 orang</u>

Kedua, bilangan pegawai-pegawai kehakiman dan perundangan yang baru diambil pada waktu yang sama adalah:

1982 ..	36 orang
1983 ..	37 orang
1984 ..	tiada pengambilan
1985 ..	dalam proses temuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Ketiga, bilangan pemohon-pemohon bagi jawatan-jawatan

pegawai kehakiman dan perundangan pada waktu yang sama adalah seperti berikut:

1982 ..	43 orang
1983 ..	58 orang
1984 ..	tiada pengambilan
1985 ..	102 orang
	<u>203 orang</u>

Keempat, bilangan pemohon-pemohon yang dipanggil untuk temuduga pada waktu yang sama adalah:

1982 ..	43 orang
1983 ..	58 orang
1984 ..	tiada pengambilan
1985 ..	96 orang
Jumlah ..	<u>197 orang</u>

Bilangan pemohon-pemohon yang ditolak pada waktu yang sama adalah seperti berikut:

1982 ..	2 orang
1983 ..	8 orang
1984 ..	tiada
1985 ..	dalam proses temuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ingin saya tahu daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dengan pegawai-pegawai kehakiman yang meletakkan jawatan itu, adakah dengan sukarelanya ataupun dengan sebab kesihatan ataupun disebabkan dinasihatkan supaya mereka letak jawatan.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, hampir semuanya adalah dengan sukarelanya, jarang-jarang betul disebabkan oleh

kesihatan dan sama sekali tidak ada yang disuruh untuk meletakkan jawatan.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu pada masa sekarang di Pejabat Kehakiman dan Perundangan ada berapa jawatan yang kosong dan adakah benar pada bulan Mei tahun ini ada satu golongan Sarjana Undang-undang yang baru ini tidak dipanggil untuk interview, walaupun mereka telah membuat permohonan.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, pada lazimnya semua pemohon itu akan diterima dengan baik, permohonannya didaftarkan dan kebanyakannya seperti dan boleh dilihat dari jawapan saya, kebanyakannya ditemuduga. Kalau dilihat dari jawapan saya, yang ditolak permohonan itu sedikit sekali. Sekiranya Ahli Yang Berhormat boleh beri saya butir-butir kes yang disebut itu tentu sekali kita boleh selidiki.

### RED TAPE-SUNGUTAN PELABUR

**11. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar akan sungutan para pelabur terhadap "red-tape" iaitu kebenaran hendaklah diperolehi bagi setiap urusan yang bernilai \$1 juta dari Jawatankuasa Pelaburan Asing; dan
- (b) memandangkan nilai wang yang merosot kerana inflasi, apakah betiau akan meningkatkan pengecualian kepada satu tahap yang lebih munasabah.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan memang sedar akan sungutan para pelabur di atas

keperluan untuk mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan Asing terhadap urusan yang bernilai \$1 juta ke atas. Dalam hal ini, Jawatankuasa Pelaburan Asing akan mengkaji semula kedudukan ini sebelum dapat memutuskan cara-cara yang berkesan atas keperluan mencapai dasar-dasar Kerajaan selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

- (b) Setakat ini cadangan untuk meningkatkan pengecualian kepada suatu tahap yang lain masih belum diputuskan sehingga Jawatankuasa Pelaburan Asing mengkaji sama ada tahap sekarang munasabah atau tidak.

### SAHAM BUMIPUTERA DIJUAL DI PASARAN TERBUKA

**12. Tuan Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) adakah Kementerian sedar bahawa di dalam keadaan kemelesetan ekonomi negara, ramai bumiputera yang menjualkan kembali saham-saham dan pegangan equiti serta pegangan harta, kepada bukan bumiputera, yang mana ini menjejaskan matlamat pencapaian Dasar Ekonomi Baru; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang

sedar bahawa terdapat sebahagian daripada saham-saham khas bumiputera telah dijual di pasaran terbuka. Penjualan ini telah dilakukan oleh sebahagian daripada bumiputera untuk mengurangkan kerugian di dalam keadaan harga pasaran menurun atau di mana pulangan pelaburan atau pembayaran dividen terus menerus tidak memuaskan berbanding dengan kos pelaburan. Ada juga sebahagian daripada bumiputera menjual untuk mengatasi masalah kecairan jangka pendek ataupun dengan izin, short term liquidity dan selepas itu membeli balik saham-saham tersebut apabila keadaan kewangan mereka kembali kukuh. Seterusnya ada juga yang menjual untuk memperolehi "capital gains", dengan izin, apabila baru-baru ini urusan di Bursa Saham Kuala Lumpur melambung naik.

Walau bagaimanapun, suka saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa jumlah penjualan yang terlibat tidaklah begitu besar sehingga menjejaskan matlamat pencapaian Dasar Ekonomi Baru.

Namun begitu, Kementerian saya akan terus mengambil tindakan-tindakan yang sesuai untuk memastikan agar aktiviti penjualan ini tidak berleluasa. Di antara tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh Kementerian saya adalah seperti berikut:

- (i) mengenakan syarat sekatan penjualan kepada bumiputera yang telah diperuntukkan saham. Mereka tidak dibenarkan menjual ataupun memindahmilikkan saham-saham tersebut tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Syarat ini akan membolehkan Kementerian saya mengawasi

kedudukan perdagangan saham bumiputera secara pentadbiran;

- (ii) saham-saham syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur pada umumnya akan diperuntukkan kepada institusi-institusi amanah sahaja;
- (iii) memastikan mereka ini mempunyai kemampuan kewangan untuk membiayai pembelian saham sama ada dari sumber dalaman ataupun pinjaman. Sekiranya dari punca pinjaman mereka ini dipastikan mempunyai kemampuan menanggung kos pelaburan yang mungkin tinggi dan pulangan pelaburan; dan
- (iv) di dalam kes-kes di mana penjualan sebahagian daripada saham-saham telah pun dibenarkan, bumiputera-bumiputera berkenaan disyaratkan supaya membeli balik saham-saham tersebut di dalam suatu jangka tempoh yang ditentukan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, adakah pihak Kementerian telah mengarahkan Permodalan Bumiputera ataupun Amanah Saham Nasional ataupun badan-badan bumiputera yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk membeli saham-saham yang hendak dijual oleh bumiputera ini. Misalnya, kalau sekiranya dikhaskan bumiputera tidak boleh menjual maka saham-saham tersebut akan turun ataupun akan lebih murah jika sekiranya tidak ada Badan yang dikhaskan oleh pihak Kerajaan untuk membeli saham-saham daripada bumiputera.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mond. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat itu mungkin baik dan boleh dikaji dan setakat ini belum ada lagi arahan dibuat untuk meminta supaya Permodalan Nasional Berhad mengambil alih mana-mana saham-saham bumiputera yang hendak diniagakan kerana apa yang telah pun saya terangkan tadi keseluruhan saham-saham itu adalah saham-saham daripada syarikat-syarikat berhad yang ada diurusniagakan di Bursar Saham Kuala Lumpur dan bumiputera tidak ditegah setakat ini untuk menjual kalau sekiranya mereka itu diberi kebenaran. Tetapi walau bagaimanapun, pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi diambil perhatian.

#### PASARAN MINYAK KELAPA SAWIT

**13. Dato Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan, nampaknya ada saingan bagi pasaran minyak kelapa sawit antara kita dengan Indonesia. Adakah langkah yang diusahakan bagi menyelaraskan harga untuk faedah bersama.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Utama sedar bahawa negara kini menghadapi persaingan yang bertambah bagi eksport minyak kelapa sawitnya berikutan munculnya Indonesia sebagai pengeksport minyak kelapa sawit yang aktif kebelakangan ini.

Perlu saya tegaskan di sini bahawa adalah sukar bagi kita untuk mendapatkan persetujuan pihak Indonesia bagi menyelaraskan harga untuk faedah bersama. Ini disebabkan kedua buah negara tidak dapat mengelakkan daripada bersaing di antara satu sama lain di pasaran

antarabangsa. Lebih-lebih lagi apabila Indonesia baru sahaja meningkatkan keupayaannya sebagai negara pengeksport minyak kelapa sawit.

Walau bagaimanapun, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telah melakukan lawatan ke Indonesia untuk antara lain untuk menekankan betapa perlunya Malaysia dan Indonesia mengelak diri daripada bersaing antara satu dengan lain di bidang pemasaran minyak kelapa sawit sehinggakan boleh merugikan kedua belah pihak. Atas inisiatif yang telah dijalankan ini Kementerian Perusahaan Utama menaruh harapan agar pihak Indonesia akan dapat memberikan kerjasamanya dalam persoalan ini.

#### PENCEROBOHAN NELAYAN ASING

**14. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan kes pencerobohan nelayan negara asing ke dalam perairan negara bagi setiap sempadan menangkap ikan negeri, sejak tahun 1980 sehingga bulan September 1985. Dari negara yang manakah penceroboh-penceroboh ini berasal dan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian terhadap mereka ini.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes pencerobohan ke perairan Malaysia oleh bot-bot nelayan asing adalah seperti berikut:

Tahun	Pencerobohan / Tangkapan
1980 .. .. .	12
1981 . . . . .	23
1982 .. .. .	19
1983 .. .. .	22
1984 . . . . .	20
1985 (hingga Ogos) ..	26
Jumlah tangkapan ..	122

Kesemua tangkapan tersebut dilakukan di dalam kawasan perairan Malaysia sahaja dan penceroboh-penceroboh tersebut berasal daripada Thailand, Filipina, Indonesia, Singapura dan Taiwan.

Jumlah kesemua warganegara asing yang telah ditangkap dari tahun 1980 hingga 1985 ialah 1,863 orang dan mereka telah dibicarakan dan dihukum.

Pihak Tentera Laut dan Polis Marine sentiasa menjalankan rondaan untuk mencegah nelayan-nelayan asing dari mencero bohi perairan kita dan jika perlu rondaan-rondaan tersebut akan ditingkatkan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Berapa kes atau berapa pencerobohankah yang tidak dilaporkan bagi tiap-tiap kes yang dilaporkan. Dan dengan cadangan Kerajaan baru-baru ini untuk membeli spotter plane dan sebagainya, jadi bolehkah Yang Berhormat menyatakan berapa spotter plane dan sebagainya untuk maksud yang tersebut di atas.

Yang ketiga, mengapa kesan dan keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil itu begitu lembab lagi. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagaimana langkah-langkah yang positif lagi yang boleh diambil.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan pertama melibatkan anggaran, sama ada Yang Berhormat mempunyai anggaran yang dimaksudkan atau tidak bolehkah Yang Berhormat menjawab.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara itu tidak dilapor, tidak ada catatan, jadi saya tidak tahu. Hanya yang dilapor itu yang kita tahu.

Soalan yang kedua oleh kerana perkara ini masih lagi dalam

perbincangan, saya memerlukan masa dan notis untuk memberikan jawapan.

Perkara yang ketiga, kalau sekiranya tidak kemas, tidaklah boleh kita menangkap sehingga 1,863 orang penceroboh-penceroboh di kawasan kita. Sekian, terima kasih.

## RAPAT UMUM POLITIK

**15. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah Kerajaan sedar tentang adanya rapat-rapat umum politik yang dianjurkan untuk mendedahkan kezaliman Kerajaan dengan menampal poster-poster dan kain-kain pemedang di merata tempat terutama di kawasan Utara Semenanjung; kalau sedar, apakah tindakan yang telah dilakukan.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya menyedari tentang adanya parti-parti politik menampal poster-poster dan kain-kain pemedang di dalam ceramah-ceramah politik di kawasan Utara Semenanjung.

Pihak berkuasa sentiasa mengawasi supaya sesuatu majlis itu dapat berjalan dengan aman serta mencegah perbuatan yang boleh menimbulkan ketegangan atau menjejaskan ketenteraman awam. Begitu juga tindakan undang-undang akan diambil ke atas pihak-pihak yang berkenaan sekiranya poster-poster dan kain-kain pemedang yang digunakan bertentangan dengan peruntukan undang-undang.

**Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sudah berapa banyak tindakan undang-undang yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan

terhadap setengah-setengah kalangan yang telah menggunakan peluang-peluang untuk melakukan sesuatu yang bertentangan dengan peraturan-peraturan yang telah ditentukan oleh pihak Kerajaan, umpamanya Kerajaan mengharamkan rapat-rapat umum tetapi ada kalangan yang mengadakan rapat-rapat umum secara besar-besaran.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sunggupun ceramah-ceramah ini banyak dilakukan seperti di negeri Perlis 13, negeri Kedah 86, negeri Pahang 1, negeri Perak 29 yang berjumlah 235, tetapi kesemua ceramah-ceramah ini adalah dilakukan di kawasan persendirian yang tidak memerlukan permit. Tetapi oleh kerana bilangannya ramai, kadangkadang pihak orang ramai menyatakan ini satu kesalahan. Tetapi bagi simposium dan dialog-dialog yang besar-besar, permit telah pun dikeluarkan dan tidak dianggap sebagai haram.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 dan 16 hingga 19 adalah diberi di bawah ini.)*

## RUANG ANGKASA MALAYSIA

**9. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah sebabnya ruang angkasa Malaysia bagi kapal udara yang terbang melebihi 40,000 kaki di atas paras air adalah di bawah pengawalan Singapura.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Ruang angkasa di atas wilayah sesebuah negara itu memangnya merupakan hak mutlak negara yang berkenaan. Walau bagaimanapun, dengan tujuan

menentukan kelicinan laluan trafik perkhidmatan udara, khususnya di kawasan-kawasan yang berdekatan udara, khususnya di kawasan-kawasan yang berdekatan dengan ruang angkasa negara asing, adalah menjadi kebiasaan bagi negara-negara mengadakan perjanjian-perjanjian bagi maksud mengawal penggunaan kawasan-kawasan ruang angkasa ini.

Adalah jua menjadi amalan bagi maksud kemudahan operasi trafik udara bersama untuk negara-negara memberikan kuasa kepada yang lain untuk menjalankan tugas-tugas mengawal sebahagian daripada ruang angkasanya. Oleh itu, Malaysia telah memberikan kuasa-kuasa tertentu (delegate) kepada Singapura bagi ruang angkasa di selatan Semenanjung Malaysia. Pihak Singapura telah diberi tanggungjawab terhadap trafik udara di antara ketinggian 2,000 kaki dari paras air hingga 36,000 kaki dalam lingkungan jarak 90 batu nautical dari Singapura ke arah pantai timur Semenanjung Malaysia.

Negara itu juga bertanggungjawab, dengan persetujuan Malaysia, untuk mengawal ruang angkasa daripada ketinggian 3,000 kaki ke 24,000 kaki dari paras air dalam lingkungan jarak 67 batu nautical dari Singapura ke arah pantai barat Semenanjung Malaysia.

Terdapat lebih kurang 100 pergerakan pesawat sehari di bahagian selatan Semenanjung Malaysia ke dan dari Singapura yang menggunakan ruang angkasa negara kita. Oleh itu, adalah bagi maksud memudahkan kelicinan laluan trafik itu semata-mata bahawa perjanjian tersebut dicapai. Adalah kurang tepat bahawa Singapura sedang mengawal ruang udara melebihi 40,000 kaki di atas paras air.

Dalam hubungan yang sama, negara Brunei Darussalam dan Indonesia telah jua memberikan kuasa

pengawasan sebahagian dari ruang angkasa mereka itu kepada Malaysia. Semua peraturan-peraturan dua hala ini adalah diiktiraf oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa.

### **CERAMAH UMNO DIGANGGU OLEH PAS**

**16. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar tentang kejadian-kejadian dan "trend" perkelahian dan keadaan tegang yang boleh mencetuskan huruhara yang berlaku dari ceramah-ceramah UMNO yang diganggu oleh penyokong-penyoicong PAS, di Terengganu sekarang. Apa sikap Kementeriannya.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** Kerajaan sememangnya menyedari terdapat perbuatan-perbuatan yang kurang sihat yang dilakukan oleh golongan-golongan tertentu sejak akhir-akhir ini bagi menimbulkan suasana yang tidak diinginkan di dalam beberapa Majlis ceramah-ceramah UMNO yang diadakan di Terengganu.

Kerajaan sentiasa mengawasi bagi menjamin kegiatan-kegiatan politik dapat berjalan dengan lancar mengikut amalan demokrasi tanpa diugut oleh mana-mana pihak dan tidak akan teragak-agak untuk menggunakan segala peruntukan undang-undang yang ada bagi tujuan tersebut.

### **DASAR EKONOMI NEGARA— MENGGANTIKAN**

**17. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan badan-badan yang bertanggungjawab merumuskan Dasar Ekonomi Negara untuk menggantikan Dasar Ekonomi Baru yang akan tamat pada tahun

1990; nama ahli-ahli badan-badan berkenaan dan syarat-syarat rujukan dan garis-garis panduan bagi rumusan Dasar Ekonomi Negara seumpama itu.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Sebagaimana telah saya nyatakan semasa menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada 15 Oktober 1985, pada masa ini Kerajaan belum lagi membuat apa-apa keputusan khusus mengenai masa depan Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990. Oleh kerana itu, soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu tidaklah timbul buat masa ini.

Walau bagaimanapun, suka saya menjelaskan bahawa Kerajaan berpendapat walau apa kemajuan Dasar Ekonomi Baru yang akan dicapai dalam tahun 1990, soal ketidakseimbangan ekonomi dan pendapatan antara kaum akan terus wujud di negara ini. Dari itu, usaha perlu diteruskan selepas tahun 1990 untuk mencapai matlamat utama negara iaitu perpaduan negara dan keadilan sosial untuk rakyat seluruhnya.

### **RANCANGAN FELDA/ FELCRA— BILANGAN PEMOHON**

**18. Tuan Wan Ibrahim Abdullah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk membina Ibu Pejabat Polis Kontijen Kelantan yang baru, kalau ya, bila akan didirikan; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang hendak membina Balai Polis di

Wakaf Che Yeh, Kota Bharu. Kalau ya, bila akan didirikan.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:**

- (a) Ya, tender akan dipanggil bagi projek tersebut pada awal tahun 1986.
- (b) Kerajaan memang ada cadangan untuk mendirikan Balai Polis di Wakaf Che Yeh, tetapi disebabkan keadaan ekonomi negara tidak mengizinkan maka cadangan tersebut terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu.

**RANCANGAN FELDA/  
FELCRA—BILANGAN  
PEMOHON**

**19. Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan jumlah bilangan pemohon dan peneroka yang telah dipilih menyertai rancangan-rancangan FELDA dan FELCRA mengikut kaum sehingga 1-1-1985. Apakah kriteria yang telah digunakan untuk pemilihan ini. Pernahkan Kerajaan menjalankan kajilidik-kajilidik bagi mencari sebab-sebab mengapa peneroka-peneroka bukan Melayu enggan menyertai secara berkekalan dalam rancangan-rancangan seperti ini. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi menggalakkan penyertaan yang lebih oleh semua kaum, selaras dengan semangat Dasar Ekonomi Baru.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam):** Untuk makluman Yang Berhormat sehingga 1-1-1985 seramai 87,262 peneroka telah dipilih menyertai rancangan FELDA dan 25,368 pula menyertai

rancangan FELCRA. Pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:

<i>Pecahan Kaum</i>	<i>Bilangan Peneroka</i>	
	<i>FELDA</i>	<i>FELCRA</i>
Melayu.. .. .	84,470	23,885
China .. .. .	1,286	321
India .. .. .	1,468	188
Lain-lain . . . .	38	974
JUMLAH ..	87,262	25,368

Dari kajian-kajian yang dijalankan dan pemerhatian yang dibuat ke atas pemohon dan peneroka-peneroka di rancangan-rancangan FELDA dan FELCRA didapati penyertaan bukan Melayu adalah kurang kerana mereka lebih tertarik dan ternampak peluang yang lebih baik untuk menerokai bidang-bidang lain, misalnya berniaga atau berusaha sendiri di mana mereka merasa tidak terikat dengan peraturan-peraturan, suasana dan keadaan yang wujud di rancangan.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG UNDANG  
PERBEKALAN, 1986**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (31hb Oktober, 1985).

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN,  
1986**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula

perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$8.857,740,400 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1986, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1985, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (31hb Oktober, 1985).

*Perbahasan disambung semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Parit menyambut ucapan.

*4.06 ptg.*

**Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis (Parit);** Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah berhenti semasa saya membincangkan masalah pengorbanan yang tercatat atau yang termasuk dalam Belanjawan yang dianggap sebagai falsafah dalam Belanjawan 1986.

Saya sampai kepada tempat menyeru supaya semua pihak melakukan pengorbanan di dalam menghadapi masalah kemelesetan ekonomi negara kita, masalah ekonomi yang agak lembab maka di sini kalaulah kita melihat setengah golongan yang mempunyai pendapatan yang agak mewah kalau dibandingkan dengan rakyat dan juga

kakitangan Kerajaan yang berpendapatan rendah maka sudah tentulah kalau disebut pengorbanan maka mereka inilah yang harus terlibat. Itu termasuklah di kalangan pemimpin-pemimpin negara, pegawai-pegawai tinggi Kerajaan, Wakil-wakil Rakyat, pemimpin-pemimpin politik dan sebagainya yang kebanyakan daripada mereka itu selain daripada menerima gaji yang agak lumayan, mereka juga telah diberikan kemudahan-kemudahan seperti elaun perjalanan, elaun mesyuarat, elaun kerajaan atau dengan izin, entertainment allowance; dan kaiaulah difikirkan dengan munasabah akan cadangan saya akan syor saya di sini untuk bersetuju mengurangkan bayaran-bayaran tersebut. Tujuan saya yang sebenarnya kerana mengelakkan daripada Kerajaan bertindak untuk memberhentikan beberapa banyak kakitangan Kerajaan. Jadi, sudah tentulah mereka yang akan menerima akibat pemberhentian ini akan lebih buruk lagi nasib mereka. Itupun semasa negara kita dalam keadaan meleset. Apabila ekonomi telah pulih nanti, masalah ini mungkin boleh dikaji semula.

Saya rasa selagi Kerajaan Barisan Nasional memerintah, masalah yang seperti ini tentu akan mendapat pertimbangan yang wajar iaitu kalau sekiranya sekarang ini dipotong elaun-elaun yang tersebut seperti yang dilakukan kepada elaun Wakil-wakil Rakyat, mungkin satu masa akan dapat dipulihkan dan kalau sekiranya ekonomi lebih-lebih pula memuncak selain daripada diberi semula, boleh pula agaknya diberikan tunggakan (arrears) kepada pemberhentian ataupun pemotongan elaun yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah ini dapat kita lakukan maka sudah tentu kita telah menyambut atau menyahut

seruan falsafah yang terdapat di dalam Belanjawan negara tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang kedua yang ingin saya sentuh iaitu di kalangan para usahawan-usahawan kita, orang-orang yang bernasib baik yang mendapat hidup dengan mewah dengan pendapatan yang tinggi, maka kita janganlah pula lupa kepada penderitaan hidup segolongan besar rakyat negara ini iaitu golongan petani-petani dan nelayan yang hidup mereka bak kata pepatah Melayu, "Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang". Jadi di negara kita ini, mereka yang saya sebutkan tadi setengahnya terpaksa mengharungi ombak dan badai di lautan yang luas, mengadaiakan nyawa semata-mata untuk mencari sesuap nasi untuk anak dan isteri di rumah. Maut berada di keliling mereka, hanya doa restu, anak isteri yang menjadi perisai kepada mereka untuk mencari rezeki. Mereka inilah yang benar-benar mengharapkan bantuan dan pengorbanan daripada kita semua, oleh Kerajaan dan pemimpin-pemimpin Kerajaan. Mereka ini menunggu-mennunggu dengan penuh harapan untuk membasmi kemiskinan di kalangan mereka itu.

Dalam Belanjawan 1986 Kerajaan telah pun memperuntukkan sebanyak \$2,861 juta dengan tujuan untuk membasmi kemiskinan dan \$500 juta lagi bagi projek-projek penyusunan semula masyarakat. Begitu juga apabila kita turun ke kawasan-kawasan luar bandar, masih begitu banyak lagi rakyat negara ini yang belum dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya yang sempurna, bekalan elektrik dan air paip. Walaupun ini telah berulang kali disebutkan oleh beberapa orang rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain-lain, tetapi perlulah kita mengambil tindakan semoga mereka yang terlibat ini akan dapat bersama-sama dengan rakyat yang lain

menikmati kemudahan-kemudahan yang sepatutnya telah lama mereka dapati. Kita tidak harus membiarkan mereka terus di dalam kekecewaan ibarat menunggu buah yang tidak luruh ataupun menanti kucing bertanduk. Di sini tindakan-tindakan harus dibuat dengan segera tanpa bertangguh lagi, kita tidak harus menambah dalam melaksanakan rancangan-rancangan yang besar, rancangan-rancangan pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar khususnya, kita tidak harus menambah tempat yang sudah sempurna, ataupun mengemaskan atau mengelokkan lagi tempat yang sedia mendapat kemudahan-kemudahan tersebut. Tetapi hendaklah kita membawa projek-projek atau rancangan ini ke kawasan-kawasan yang belum lagi menerima, yang belum dapat menikmati faedah-faedah yang demikian. Sebagai contohnya di kawasan saya sendiri, beberapa banyak kampung yang ketinggalan misalnya Kampung Lengkuas, ada satu nama kampung, Kampung Lengkuas, tidak ada jalan untuk masuk ke kampung itu selain daripada jalan kampung yang begitu buruk dan begitu menyusahkan, tidak ada api elektrik dan tidak ada bekalan air, keadaannya samalah seperti zaman British, zaman Jepun dahulu.

Selain daripada kita berupaya menyediakan perkara-perkara kecil seperti menyediakan Dewan Orang Ramai, membuat surau, menyediakan jambatan kecil, tetapi menyediakan kemudahan asas yang saya sebutkan tadi sehingga ini masih belum lagi dapat disediakan. Jadi mereka sangat-sangatlah mengharapkan semoga di dalam Belanjawan 1986, masalah yang seperti ini akan dapat diselesaikan, itu sebagai contoh, banyak lagi kampung-kampung yang lain dan banyak pula terdapat kampung-kampung kecil yang memerlukan perbelanjaan yang tidak besar, tetapi kerana bilangan

kampung ini banyak, sudah tentulah sulit di masa-masa yang lepas untuk menyelesaikan masalah menyediakan kemudahan-kemudahan asas ini. Jadi dengan peruntukan yang disediakan sebanyak \$431 juta untuk pembinaan jalan dan jambatan, \$225 juta untuk bekalan elektrik dan \$171 juta lagi bagi bekalan air luar bandar, maka seharusnya peruntukan-peruntukan ini diberikan keutamaan kepada kampung-kampung pendalaman seperti yang saya sentuhkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga ingin saya sentuh iaitu berkenaan dengan masalah pertanian. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun di mana sebahagian besar daripada rakyatnya bergantung hidup kepada pertanian. Maka tentulah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk terus memajukan bidang pertanian ini. Sebahagian besar dari para-para petani kita harus hidup dalam keadaan kemiskinan. Walaupun berbagai-bagai usaha yang telah dibuat, tetapi keadaan mereka belum lagi dapat berubah dengan begitu membanggakan.

Rasa saya dengan peruntukan yang disediakan agak banyak tahun ini, iaitu sebanyak \$1,668 juta ataupun 19% daripada keseluruhan peruntukan pembangunan dikhaskan kepada sektor pertanian.

Saya yakin dengan peruntukan ini sudah pasti akan membawa banyak perubahan dan kejayaan bagi meningkatkan taraf hidup petani-petani kita, parit dan tali air yang kurang sempurna misalnya perlulah diperbetulkan segera. Jentera-jentera bantuan kepada pesawah-pesawah haruslah dibekalkan sekarang, jalan-jalan untuk petani masuk ke sawah ladang mereka dan membawa hasil tani mereka keluar haruslah disediakan dengan sempurna, kerana

dengan keadaan jalan yang buruk, jalan yang tidak sempurna harga padi itu akan menjadi kecil kepada petani-petani, kerana mereka terpaksa membayar upah untuk mengangkut hasil pertanian mereka, tetapi kalau adanya penyediaan jalan yang baik, mereka boleh menjalankan ataupun membawa hasil tani mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, faktor yang penting untuk menjayakan projek pertanian ini ialah dengan membekalkan baja yang baik dan bermutu. Di samping ia dapat menambahkan hasil pertanian, ianya juga akan dapat mengekalkan kesuburan tanah. Kalau ada baja yang baik dan baja yang bermutu ini, ertinya tanah akan terus subur, tidak rosak dan dapat digunakan sepanjang musim, tegasnya ialah dengan menggunakan baja organik atau lebih dikenali oleh orang kampung sebagai baja asli.

Kalau kita lihat sekarang ini, dan kalau kita tinjau pula dalam peruntukan di lembaran Belanjawan negara kita, iaitu sebanyak \$98 juta disediakan untuk mengimport baja kimi ataupun untuk membekalkan baja kimia kepada petani-petani ataupun pesawah-pesawah padi. Kalau dikatakan baja kimia ini ertinya baja yang diimport daripada luar negeri, mengapakah kita harus membeli baja dari luar negeri, iaitu baja kimi ini tadi yang mengikut pendapat ahli-ahli sains ataupun saintis bahagian pertanian adalah kurang baik kerana ia selain daripada mengandungi racun, ia adalah kurang mengandungi humas yang boleh menyebabkan tanah cepat menjadi masam dan akhirnya membunuh kesuburan tanah.

Negara kita ini Tuan Yang di-Pertua, telah diberi oleh Allah s.w.t, memiliki tanah yang subur dan kaya pula dengan bahan-bahan asli yang

boleh digunakan, ia boleh dijadikan baja misalnya lebih daripada kelapa sawit, koko, tahi-tahi binatang, sekam padi, kulit kelapa kering dan sabutnya itu. Bahan-bahan ini cukup banyak dalam negara kita dan kita boleh menggunakan bahan-bahan tersebut untuk dijadikan baja organik iaitu dengan menyediakan kilang bagi memproses bahan-bahan tersebut, untuk menyediakan baja organik secara besar-besaran, dan boleh dibekalkan kepada petani-petani sudah tentulah harganya lebih murah kerana dibuat sendiri dan lebih menguntungkan.

Saya pernah terbaca satu artikel yang merupakan satu kajian mengenai teori membuat baja yang saya sebutkan tadi baja organik ini yang ditulis oleh Cik Azizah Chulan, A. Aini dan M. Omar iaitu yang bertugas di Soil Science Department, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang. Kajian mereka ini sungguh mengkagumkan iaitu dengan menggunakan bahan-bahan tempatan seperti yang saya nyatakan tadi, tahi-tahi binatang, lebih-lebih daripada kelapa sawit, kelapa, koko dan sebagainya ini dapat menyediakan baja organik yang sungguh cepat mengikut kajian dan teori yang mereka sediakan iaitu hanya mengambil masa dalam satu hingga dua minggu proses menyediakan baja ini akan teraksana ataupun berjaya, ertinya tidaklah seperti dahulu mengambil masa sampai lima, enam bulan dan setahun. Jadi, seperti yang saya sebutkan tadi baja organik banyak mengandungi humus boleh menyuburkan tanah dan tidak membunuh tanah tersebut seperti yang digunakan baja urea ataupun baja kimia ini.

Hasil kajian mereka itu, telah menemui sejenis kuman yang dikenali sebagai kuman inoculum iaitu sejenis kuman sebagaimana yang telah didapati oleh scientist di Amerika

Syarikat dan juga di sebuah negara di Timur Tengah, Kuman inilah yang menjadi agen mempercepatkan pemrosesan bahan-bahan organik untuk membuat baja kompos ataupun baja organik ini. Kalau dahulu proses ini mengambil masa setahun, sekarang dengan menggunakan kuman inoculum ini dalam masa satu minggu baja akan dapat disediakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, untuk penjelasan saya, adakah nama kuman itu inoculum ataupun bahan yang dimasukkan iaitu kuman itu disebut inoculum.

**Tuan Ahmed Hambal bin Yeop**  
Majlis: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya baca dia kata bacteria, jadi kumanlah agaknya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebenarnya saya rasa inoculum itu sesuatu yang dimasukkan—inoculate, inculum.

**Tuan Ahmed Hambal bin Yeop**  
Majlis: I-n-o-c-u-l-u-m, inoculum. Agaknya kumanlah ataupun. ....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bacteria itu namanya mungkin lain.

**Tuan Ahmed Hambal bin Yeop**  
Majlis: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Maka dengan usaha inilah saya rasa selain daripada kita berjaya mendapat baja yang baik, baja yang murah kita juga dapat memberi peluang pekerjaan, tenaga kerja kepada penganggur-penganggur kerana apabila kilang buat baja ini sudah banyak dibuka sudah tentulah banyak orang-orang kita dapat pekerjaan. Jadi, tenaga pekerja bertambah, baja dapat yang baik, murah dan menguntungkan negara iaitu tukuran wang asing, wang kita tidak mengalir keluar. Dan tidak kurang pula kita boleh menambah kemungkinan-kemungkinan

pendapatan bertambah kepada petani-petani kerana kalau selama ini mereka menternak binatang mereka boleh besarkan lagi ternakannya, selain daripada mereka boleh juai binatang ternakan ini, hasil buangnya, najisnya boleh dijual untuk buat baja. Jadi, dengan apa yang saya sebutkan tadi sudah tentulah akan menambah hasil petani-petani untuk kita mengurangkan kemiskinan terhadap dalam negara kita di kalangan petani-petani.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan teruskan perbincangan ini untuk menyentuh sedikit berkenaan dengan penggunaan Bahasa Malaysia dalam negara kita. Sesungguhnya Bahasa Malaysia ini telah termaktub di dalam Perlembagaan negara iaitu Fasal 152 sebagai bahasa rasmi yang tunggal dalam negara ini. Semasa Perlembagaan negara digubal Suruhanjaya Reid telah memutuskan untuk menyatupadukan rakyat di sesebuah negara di Asia ini hendaklah ditentukan satu bahasa yang boleh diterima oleh semua pihak. Penggunaan bahasa Inggeris tidak akan mencapai matlamat perpaduan itu, kata Suruhanjaya ini. Dengan itu di dalam negara Malaysia yang akan wujud dalam tahun 1957 telah diputuskan bahawa bahasa Melayu boleh menjadi alat perpaduan yang hari ini telah pun dimaktubkan yang dikenali sebagai Bahasa Malaysia. Dan selain daripada keputusan Surhanjaya telah diadakan juga perundingan tolak ansur antara wakil-wakil kaum yang terbesar dalam negara ini. Semua pihak telah menerima bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di samping bahasa-bahasa lain akan diberi perlindungan dan boleh digunakan oleh keturunan masing-masing dan dicatatkan juga bahawa perkara ini merupakan perkara sensitif yang tidak boleh disebut-sebut, yang tidak boleh diungkit-ungkit akan penggunaannya ataupun keistimewaannya.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Bahasa Malaysia ataupun bahasa Melayu ini ialah satu bahasa yang mudah dipelajari, satu bahasa yang sangat mudah dikuasai dan mudah puia dituturkan, ini disebabkan oleh strukturnya dan sifat-sifatnya yang boleh diubah suai, yang boleh dipinda (ditukar) ataupun amat mudah untuk diasimilasikan dengan bahasa-bahasa lain. Bahasa ini telah wujud beratus-ratus tahun yang lalu yang telah dijadikan sebagai lingua frangca oleh pedagang-pedagang, oleh berbagai-bagai jenis bangsa yang berdagang di dalam ataupun di kawasan nusantara-ketika itu, oleh kerana struktur dan sifat-sifatnya yang istimewa yang ada pada bahasa tersebut. Tetapi kalau kita lihat sehingga sekarang sayang seribu kali sayang setelah bahasa ini didaulatkan sepenuhnya pada tahun 1967 iaitu selepas 10 tahun kempen dijalankan ia masih belum dapat diletakkan sebagai bahasa semua rakyat Malaysia. Belum berjaya dijadikan sebagai satu bahasa yang dicintai oleh seluruh rakyat, masih banyak lagi rakyat yang tidak mampu menguasai dan menggunakannya sama ada di bidang pertuturan ataupun penulisan, di dalam perhubungan sehari-hari. Dan masih banyak pula rakyat yang sudah menguasainya ataupun memang telah menguasai tetapi tidak berapa berminat untuk menggunakannya sepenuh hati ketika di dalam pertuturan biasa dan juga di dalam perbincangan rasmi kelihatan kepada kita bahawa bahasa Inggeris terus digunakan ataupun Bahasa Malaysia ini dicampuradukkan dengan bahasa Inggeris, ini sudah tentulah merupakan satu pencemaran bahasa yang sungguh ketara dan malang sekali lagi bahasa rasmi negara.

Sesungguhnya yang bertanggung-jawab untuk mengisi erti kedaulatan dan pengiktirafan terhadap sesuatu bahasa khususnya terhadap Bahasa Malaysia ini ialah

seluruh rakyat yang bernaung di bumi Malaysia, lebih-lebih lagi mereka yang masuk di dalam golongan yang boleh dijadikan contoh, teladan iaitu pada pemimpin dan para bijaksana dalam negara ini ataupun intellectual, dengan izin, para-para intelek. Sesuai dengan kehendak slogan Kepimpinan Melalui Teladan, jadi inilah orang yang perlu menunjukkan teladan.

Persoalan yang selalu ditimbulkan mengenai kelemahan pelajar-pelajar kita di dalam menguasai bahasa Inggeris selalu disebut. Sepatutnya perkara kelemahan pelajar-pelajar menguasai bahasa Inggeris ini tidak menjadi satu isu yang besar yang diheboh-hebohkan oleh pemimpin-pemimpin kita, oleh golongan-golongan yang biasa menulis dalam akhbar dan sebagainya, sebaliknya kelemahan pelajar-pelajar kita dan sebahagian daripada pemimpin-pemimpin dan rakyat negara menguasai Bahasa Malaysia dibiarkan tenggelam begitu sahaja, tidak dihebohkan.

Tuan Yang di-Pertua, seharusnya bahasa ini diambil perhatian oleh segenap pihak kerana Bahasa Malaysia ini sebenarnya bahasa yang indah, bahasa yang cantik. Misalnya kalau satu perkataan, saya beri contoh. Satu-satu perkataan itu setengahnya sampai berbagai-bagai perkataan boleh digunakan. Misalnya, katalah perkataan saya, aku, teman, patik, beta, hamba dan berbagai-bagai lagi. Mengapa kita gunakan perkataan I. Ada tujuh, lapan perkataan kita boleh gunakan. Tengoklah kalau kita raja, betalah. Kalau bercakap dengan raja, patik. Kalau dengan kawan-kawan, saya, aku tetapi kita pakai I. Dengan isteri pun I hendak ke pasar, you tunggulah anak di rumah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kadang-kadang ana pun ada juga. (*Ketawa*).

**Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis:** Ini yang menghairankan.

Begitu juga banyak perkataan yang indah, yang boleh digunakan yang mana sesuai tetapi kita lupakan ini, kita gunakan bahasa Inggeris bila bercakap dengan kawan dan sebagainya.

Begitu juga dengan perkataan kamu, mika—kalau di Perak, tuan hamba, boleh kita gunakan mana satu yang sesuai dengan diri kita tetapi kita lebih sedap guna you. Apa khabar you sekarang, berapa anak you sekarang? Itulah keadaan yang berlaku. Kalaupun ini terus diamalkan dalam kehidupan di rumah bersama keluarga, misalnya dengan anak, dengan isteri, jadi anak-anak itu kadang-kadang mereka jarang mendengar perkataan saya, perkataan aku, mereka dengar perkataan I, you, I, you. Jadi, rasanya kalau ini terus menerus mungkin. ....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kadang-kadang ada dengar ling, Ling, ling. (*Ketawa*)

**Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis:** Itu kalau bersama dengan isteri pakai ling, ling, (*Ketawa*) tetapi kalau anak dengan bapak, itu dia pakai I, you; you. Jadi, kalau perkara yang seperti ini kita biarkan tidak ada tindakan, rasa saya tidak ada tindakan melainkan kesedaran kita untuk menggunakan bahasa negara kttta. Kalau ini terus berlaku, I, you ataupun perkataan yang boleh kita anggap dominan dalam Bahasa Malaysia ini, kita tidak menggunakan di tempat-tempat yang sepatutnya mungkin satu masa akan hilang terus kerana bahasa ini ialah satu yang berubah, bahasa yang maju, bahasa yang baik itu ialah bahasa yang sentiasa berubah mengikut perubahan zaman dan boleh dimasukki, diserapi oleh pengaruh pembangunan—bahasa-bahasa pembangunan lain yang boleh diterima oleh bahasa tersebut. Kalau yang dominan seperti ini pun tak dapat kita gunakan maka

akan rosaklah bahasa. Saya kurang faham mengapa perkara ini terus berlarutan dalam masyarakat kita dan di kalangan rakyat negara itu.

Satu perkara lagi yang boleh menimbulkan kekeliruan dan menyulitkan rakyat negara ini menggunakan Bahasa Malaysia ada juga kesulitannya iaitu mengenai istilah yang diambil tugas oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Saya kurang faham mengapakah Bahagian Peristilahan di Dewan Bahasa dan Pustaka ini tidak mempunyai satu dasar yang kukuh, satu dasar yang tetap melainkan sentiasa berubah dari semasa ke semasa di dalam membuat istilah-istilah tersebut sama ada dari segi sebutan, ejaan ataupun memilih istilah-istilah teknikal dalam hal-hal sains dan sebagainya.

Saya beri contoh yang mudah, Tuan Yang di-Pertua, misalnya daripada perkataan Inggeris c-l-u-b—club. Dahulu diistilahkan sebagai k-e-l-a-b dalam Bahasa Malaysia. Kemudian akhir-akhir ini pula sudah k-l-u-b. Jadi, apa hendak jadi, klubkah atau kelabkah. Itu istilah yang dibuat oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kemudian gen, gen, itu banyaklah, memang banyak digunakan. Misalnya oksigen. Dahulu oksijan, kemudian ubah pula oksigen. Strategi. Dahulu kita ubah ejaannya strategi, kemudian diubah lagi sekali, strategi. Kita pun rasa keliru. Orang kampung naik gila. Perkataan teknologi. Dahulu eloklah, teknologi, j-i, sekarang sudah, teknologi dan berbagai-bagai "gi" lagi. Saya berharap pihak Dewan Bahasa dan Pustaka menerusi Bahagian Peristilahan supaya membuat satu dasar yang tegas, dasar yang konkrit, bukannya bila bertukar pegawai maka bertukarlah dasar kerana masing-masing mempunyai kepakaran sendiri dan yang sudah kita yang hendak menggunakan Bahasa Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Kementerian Pelajaran juga saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan peruntukan yang diberikan bagi pembangunan pelajaran iaitu sebanyak \$1,257 juta. Peruntukan ini termasuklah \$174 juta bagi menyediakan bilik darjah iaitu sebanyak 4,200 bilik darjah dan \$284 juta untuk keperluan 2,700 bilik darjah, makmal-makmal serta peralatan lain di bawah Program Pelajaran Menengah. Jadi, apa yang menarik sekali ialah pertambahan bilik darjah.

Di kawasan-kawasan pendalaman atau di luar bandar banyak terdapat sekolah-sekolah yang masih kekurangan bilik darjah. Jadi, di dalam melaksanakan program ini kalau dahulu kita sentiasa berbangga dengan sekolah yang cantik, yang besar, yang berlapis-lapis, maka belanjanya pun tinggi, \$1 juta lebih dan sebagainya. Jadi, sudah tentulah pembangunan ini tidak dapat dijalankan dengan pesat dan sudah tentu tidak dapat banyak bilik-bilik darjah ini didirikan.

Rasa saya untuk mengatasi masalah ini kita berhentikan dahulu mendirikan sekolah-sekolah dengan hendakkan cantik dan indah ini, buat sahaja bilik-bilik tambahan yang dikatakan bangunan kilat ataupun rancangan segera. Belanja pasang siap \$20,000 sudah dapat satu bilik darjah. Jadi kalau 5 bilik darjah baru \$100,000. Kalau dengan bangunan yang biasa kita bangukan dahulu, satu bilik darjah sampai \$60,000, \$70,000. Sudah tentulah dengan cadangan ini cepatlah dapat dilengkapi sekolah-sekolah yang berkurangan dengan bilik-bilik darjah tersebut.

Di samping itu kalau bilik darjah sahaja cukup kemas tetapi perkhidmatan perguruannya pula tidak diawasi, tidak dilayan dengan sempurna maka sudah tentulah

masalah pelajaran ini tidak akan dapat seiring antara persediaan yang diberi oleh Kerajaan dengan sumbangan daripada orang yang bertanggungjawab terhadap pendidikan tersebut.

Menyentuh mengenai masalah perkhidmatan perguruan di semua peringkat ataupun kategori guru-guru yang telah diamalkan dalam negara kita ini, rasa saya ke semua mereka ini menyambut baik pengumuman yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran iaitu untuk mengumpulkan semua skim perguruan ini ke dalam dua skim perkhidmatan sahaja iaitu Kategori D dan C, kalau saya tak silap, dua skim sahaja iaitu guru yang berijazah dan guru yang tidak berijazah. Jadi, saya berharap dan kemungkinan semua yang terlibat berharap supaya kedua-dua skim ataupun perkhidmatan 2 skim yang telah diumumkan ini hendaklah dilaksanakan dengan secepat mungkin, dengan segera kerana pegawai Perkhidmatan Pelajaran ini telah begitu lama hidup ataupun berkhidmat dengan skim yang ada sekarang ini sampai ada 11, 12 kategori, berbagai-bagai tingkatan, peringkat dalam perkhidmatan guru.

Jadi sekarang ini dengan adanya sistem pelaksanaan dua skim perkhidmatan ini kalau dapat disegerakan maka dapatlah berubah suasana di dalam perkhidmatan perguruan. Begitu juga dengan perkhidmatan dua skim ini sudah tentulah sistem kenaikan pangkat akan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, dengan lebih cepat menyeluruh kerana dalam perkhidmatan guru hari ini sistem kenaikan pangkat, peluang kenaikan pangkat ini terlalu sempit. Kalau kita ambil contoh di Pejabat Daerah yang pegawainya mungkin ada 40, 50 orang, kemudian Pegawai Daerahnya dilantik

sebagai Superscale G ataupun F, kemudian di bawahnya adalah berbagai jawatan lagi yang merupakan peluang kenaikan pangkat ada 4, 5 Penolong Pegawai Daerah, tetapi kalau dibandingkan dengan sebuah sekolah menengah cuma ada dua pangkat, guru besar dan penolong kanan walaupun dia sekolah A. Di bawah ini ada 50, 60 guru-guru yang berijazah dan 40, 50 guru-guru yang tidak berijazah. Jadi, kalau dibandingkan di Pejabat Daerah dengan di sekolah ini cukup jauh peluang kenaikan pangkat. Jadi saya rasa dengan adanya perkhidmatan dua skim yang diumumkan ini sudah tentulah masalah seperti ini akan dapat diperbaiki.

Saya mencadangkan kalau boleh diterima, di dalam perkhidmatan ini bolehlah diwujudkan berbagai-bagai jawatan untuk memberi peluang kepada guru-guru menikmati peluang kenaikan pangkat. Misalnya, yang sudah ada di sekolah itu Guru Besar dan Pengetua dan Penolong Pengetuanya ataupun Penolong Kanan. Kerana apa salahnya ada Penolong Kanan Dua (Senior Timescale). Guru Kanan, kemudian ada pula guru yang ditugaskan menyelia sebelah petang, beri dia pangkat kerana guru counselling misalnya namakanlah berbagai-bagai. Ini semua atas kebijaksanaan Menteri kita dan Kerajaan kita bolehlah memberikan peluang kepada guru-guru yang banyak di satu-satu tempat itu mengisi jawatan-jawatan yang disebutkan tadi. Maka dengan cara ini sudah tentulah mereka tidak akan menuntut hendak naik gaji kerana dengan naik pangkat sudah tentu naik gaji. Dan, Tuan Yang di-Pertua, mungkin sedar bahawa sekarang ini telah terlalu banyak guru dalam Kumpulan C dahulunya misalnya yang sudah maksimum gaji tidak berubah-ubah, sudah 10 tahun sampai pencenlah itu. Jadi kalaulah dengan

adanya perubahan yang baru ini mungkin mereka akan dapat sedikit-sebanyak merasai nikmat kenaikan gaji di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya itu sahaja pandangan yang dapat saya beri di dalam membicara ataupun membincangkan Belanjawan 1986 sebagai tanda saya memberikan sokongan kepada Belanjawan tersebut. Sekian sahaja.

**Timhalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4,45 ptg.

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyatakan sokongan penuh terhadap Belanjawan Negara yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang ianya merupakan satu Belanjawan yang baik sesuai dengan keadaan ekonomi negara dan dunia yang muram yang lembab sekarang ini. Belanjawan 1986 ini tidak membebankan sesiapa pun, baik Pembangkang ataupun rakyat jelata yang baik dan ingin terus hidup dalam sebuah negara yang sedang membangun ini. Cuma penagih arak dan penghisap rokok dan tahi judi sahaja yang mungkin akan merasai kurang senang dengan kenaikan cukai yang dikenakan kepada mereka yang dikenakan kepada arak, rokok dan perjudian di kasino,

Kenaikan ini adalah wajarnya sekali mudah-mudahan ianya akan dapat mengubah tabiatnya dan perbuatannya yang ketagih yang tidak menguntungkan dirinya sendiri dan juga tidak menguntungkan negara. Tetapi sebaliknya membebankan mereka dengan kesihatan yang kurang baik, pemikiran yang tidak waras dan ini sudah tentu akan membebankan negara dan akan mengancam keselamatan negara kita. Oleh itu, jika perlu bukan sahaja menaikkan

cukai kemasukkan barang ini, tetapi menyekat dan menahan terus daripada masuk ke negara kita, kerana ianya lebih banyak mudarat daripada menguntungkan. Apabila arak tidak ada maka kuranglah tahi arak dan kuranglah mereka ini meneruskan tabiatnya. Begitu juga pencegahan kemasukan rokok luar, sebagaimana kata Menteri Kewangan akan mengukuhkan pertumbuhan ekonomi dalam negara dengan bergantung semata-mata kepada perusahaan di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keadaan Belanjawan yang tidak membebankan sesiapa ini maka tidak banyak komen atau kritik daripada Pembangkang dan juga Ketua Pembangkang sendiri. Cuma ditimbulkan tuduhan dan sangkaan yang buruk sebagai serkap jarang. Kalau betul boleh mereka itu menepuk dada dan kalau tidak betul mereka tidak akan rugi apa-apa, cuma kering air liur sahaja. Tetapi Kerajaan tahu apa yang mereka buat dan mereka lakukan melaksanakan untuk rakyat dan negara. Janganlah kita cuba untuk mengkritik seperti tikus membaiki labu, akhirnya habis sebiji iabu.

Tuan Yang di-Pertua, tuduhan dan sangkaan Ketua Pembangkang mengatakan dua kali Belanjawan Negara yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ini merupakan menanggungkan kesakitan daripada keadaan ekonomi yang sakit dan dianggapkan Belanjawan ini untuk menghadapi pilihanraya. Jika benar katanya maka inilah sebaik-baik Belanjawan yang dikehendaki oleh rakyat dengan menanggungkan kesakitan di dalam keadaan sakit. Ini bermakna Belanjawan Negara ini berada di dalam tidak sakit. Kalau tidak sakit sepatutnya mereka ini memuji Kerajaan sedikit, kerana tidak ada seorang pun atau sebuah negara pun mahukan sakit kalau ia dapat

menanggihkan kesakitan. Kalau kesakitan ekonomi negara ini dapat terus ditanggih dan tidak dirasai oleh rakyat maka ianya akan kehabisan modal dan tidak berpeluang langsung untuk memburuk sangka yang tidak betul kepada Kerajaan. Apabila kita menyangkakan sesuatu yang buruk seolah-olah kita meminta keadaan buruk dan sakit itu datang kepada kita. Tetapi kalau kita bersyukur dan memuji dengan apa yang kita terima dan hadapi sekarang, insya Allah ianya akan terus kekal berada di dalam keadaan baik dan tidak sakit.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah ini Belanjawan negara kerana menghadapi pilihanraya maka ianya merupakan kebijaksanaan Kerajaan. Tetapi apa pula persediaan DAP dalam menghadapi pilihanraya. Tidaklah ada isu-isu yang buruk dan fitnah-fitnah yang hendak ditimbulkan supaya rakyat ini jangan jadi bingung dan nana maka DAP akan menangguk di air keruh. Oleh itu, saya menasihat pihak DAP supaya jangan mencari perkara-perkara buruk kerana Tuhan tidak meredai kepada manusia yang sentiasa mencari dan menilaikan sesuatu itu dengan keadaan yang buruk ataupun ke arah yang negatif. Cuma iblis dan syaitan sahaja yang bekerja mencari yang buruk dan menghasutkan supaya manusia ini menjadi jahat dan melanggar hukum-hukum Allah atau hukum-hukum Tuhan. Kalau disifatkan kepada manusia dan alam nyata ini maka manusia bersifat iblis dan syaitan sahajalah suka menghasut dan mencari perkara buruk supaya kita ini melanggar undang-undang dan peraturan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi negara yang dijangka 5.2% dalam tahun ini setelah menikmati pertumbuhan yang tinggi dalam tahun 1984 sebanyak 7.6%, maka pengurangan ini disebabkan oleh prestasi kurang menggalakkan di

dalam tahun ini berpunca daripada permintaan luar negeri yang lemah dan pengurangan bahan-bahan petroleum di dalam negara kita. Walau bagaimanapun, kita masih boleh bermegah dan bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. dengan prestasi ataupun pertumbuhan ekonomi kita yang ada sekarang adalah lebih tinggi dan lebih baik jika kita bandingkan dengan negara-negara ASEAN yang lain dan purata yang ada sekarang ini hanya 2.7% sahaja dan 3.6% bagi semua negara yang membangun. Ini bermakna negara kita mencapai taraf pertumbuhan ekonomi yang lebih baik di dalam keadaan orang lain, negara lain tidak mencapai prestasi yang baik.

Adalah amat mengembirakan sekali dengan strategi Belanjawan 1986 dengan langkah-langkah fiscal dan juga kewangan yang telah dicadangkan itu, maka ekonomi Malaysia akan berkembang dan tumbuh. Pertumbuhan itu dengan kadar 6% dan mungkin lebih sekiranya sektor swasta menggunakan sepenuhnya dengan langkah-langkah yang dicadangkan dalam Belanjawan ini. Saya rasa pihak swasta akan menyambut baik seruan Yang Berhormat Menteri Kewangan itu sekiranya pihak swasta diberikan layanan yang baik dan tidak bertanding dengan kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Kerajaan sendiri.

Sektor swasta yang dimiliki oleh orang ramai amat merungut dengan adanya pertandingan antara mereka dengan badan-badan Kerajaan dan agensi-agensi di bawahnya. Buat masa ini semua projek pembangunan dan pembinaan bukan sahaja dijalankan oleh badan-badan dan Kerajaan sendiri tetapi terpaksa bertanding dengan anak-anak syarikat yang ditubuhkan oleh badan-badan Kerajaan tersebut, kadang-kadang tanpa mempertimbangkan tender yang dimasuki oleh pihak swasta. Tender-tender yang kadang-kadang diadakan

sebagai mengambil syarat supaya dapat mengaburi mata orang ramai misalnya projek-projek di dalam Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (SEDC) diserahkan ataupun dipertimbangkan kepada anak-anak syarikatnya sekiranya pembinaan itu mendapat untung. Tetapi sebaliknya tender itu ditawarkan kepada syarikat swasta sekiranya ia mempunyai risiko ataupun tidak menguntungkan dan kemungkinan akan menanggung kerugian.

Perbuatan ini diamalkan juga oleh perbadanan-perbadanan Kerajaan yang lain seperti UDA, MARA, Perbadanan Kemajuan Kawasan-kawasan yang telah menubuhkan begitu banyak anak-anak syarikat. Jikalau badan-badan dan agensi-agensi Kerajaan menubuhkan anak-anak syarikat sendiri, bagaimanakah perkembangan pihak swasta yang kita harapkan kalau ianya dibiarkan bertanding dengan anak-anak gergasi ataupun anak-anak syarikat agensi Kerajaan yang mempunyai kewangan yang cukup yang diberi oleh badan-badan Kerajaan tersebut?

Begitu juga pihak swasta terpaksa bertanding dengan syarikat-syarikat yang dimiliki oleh orang-orang kenamaan dan berpengaruh serta berkuasa melobi pihak tertentu meluluskan projek kepada mereka termasuk badan-badan yang dimiliki yang berpengaruh di dalam negara ini.

Perbuatan seperti ini mengharapkan perkembangan bagi pihak swasta akan menjadi lembap dan tidak mencapai taraf yang dikehendaki oleh pihak Kerajaan. Oleh itu pihak Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan hendaklah mengurangkan penubuhan anak-anak syarikatnya sendiri yang akan bertanding dengan syarikat-syarikat swasta yang lain.

Begitu juga dalam pekilangan dan pembuatan barangan agensi Kerajaan

dan anak-anak syarikat itu terus ditubuhkan anak-anak syarikatnya dan dengan ini adalah membimbangkan pihak syarikat swasta untuk meluluskan usaha-usaha yang sama dengan apa yang dijalankan oleh anak-anak syarikat Kerajaan itu. Yang lebih malang lagi bagi pihak swasta ialah anak-anak syarikat daripada agensi Kerajaan ini terus ditubuhkan bagi menjalankan usaha yang sama dengan apa yang dijalankan oleh swasta dengan modal yang besar dan kadang-kadang dengan usaha sama daripada pihak luar negeri oleh anak syarikat agensi Kerajaan itu. Maka dengan sendirinya menjadikan usaha yang dijalankan oleh swasta akan terkubur.

Tuan Yang di-Pertua, apabila syarikat swasta itu mati ataupun lemah oleh pertandingan dengan anak-anak syarikat agensi Kerajaan, maka pada peringkat awal anak-anak syarikat yang ditubuhkan oleh agensi Kerajaan itu menerima keuntungan, tetapi akhirnya menerima kerugian akibat daripada kurangnya pengawasan dan tanggungjawab oleh agensi Kerajaan atau badan-badan berkanun itu kerana terlampau banyak anak-anak syarikat, kadang-kadang berpuluh-puluh anak syarikat sepertilah dengan orang yang banyak anak. Kalau orang banyak anak sudah tentulah kurang pengawasan dan penjagaan dan akhirnya semua anaknya menjadi tak senonoh dan tidak mencapai taraf pendidikan yang baik. Akibat daripada terlampau banyak anak-anak syarikat ditubuhkan kira-kira 80% anak-anak syarikat agensi Kerajaan menanggung tidak menguntungkan, hendak katakan rugi, takut, kasar sangat.

Oleh itu saya menyeru kepada badan-badan agensi Kerajaan kalau boleh menutuplah setengah anak-anak syarikat yang tidak menguntungkan itu dan menswastakan mana-mana anak syarikat yang menguntungkan

kerana anak-anak syarikat itu pula akan menanggung kerugian kalau sekiranya terus dijalankan oleh agensi Kerajaan itu kerana selalunya projek yang dijalankan oleh agensi Kerajaan itu dijalankan oleh pegawai-pegawai dan tanggungjawabnya mengikut peraturan dan undang-undang, kadang-kadang berlaku juga penyelewengan ataupun perkara-perkara yang tidak baik, maka anak syarikat itu akan menanggung kerugian walaupun pada peringkat awal anak syarikat itu telah membuat keuntungan lebih-lebih lagi ianya akan mengancam usaha swasta yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru akan diteruskan sehingga 1990 untuk mencapai perimbangan di antara orang miskin dan orang kaya, antara orang luar bandar dan orang dalam bandar, antara orang bumiputera dan orang bukan bumiputera. Bumiputera yang tinggal di luar bandar adalah kaya dengan kemiskinan. Apabila saya menyebut bumiputera dan bukan bumiputera, orang yang paling sakit hati dengan saya ialah Ketua Pembangkang sendiri yang terang-terang menentang nama tersebut.

Sebenarnya apa yang ada pada nama? Apakah Wakil dari Kota Melaka mahukan orang bukan Melayu bumiputera, dipanggil sebagai Orang Asli negara ini kerana ianya seasli pokok dan batu-batu yang ada di dalam negara ini? Orang Jakun dan Sakai adalah orang seasli dalam negara ini. Kalau beliau itu hendak nama tersebut, haraplah Menteri di Jabatan Perdana Menteri kemukakan kepada Perdana Menteri supaya nama Orang Asli itu diberikan kepada pihak DAP.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah yang berlaku dalam negara ini tetap ianya merupakan satu sejarah yang tidak boleh dilupakan, sejarah negara tetap merupakan sejarah dan tidak siapa

dapat menafikan perlakuan sejarah yang ada dalam negara kita ini. Sejarah telah mengatakan bahawa negara kita telah dihadiri oleh bangsa-bangsa migran daripada negeri China, daripada negeri India, daripada negeri Siam, daripada negeri Jawa, Minangkabau, Bugis dan ada setengahnya daripada barat. Jadi mereka itu merupakan asalnya daripada bangsa migran. Apakah Wakil Kota Melaka amat merasa kesal apabila Perdana Menteri menyebut bangsa migran dalam ucapannya di Melaka dahulu? Apabila mereka tidak mengakui bahawa asal datuk nenek mereka itu daripada negeri China atau daripada negeri lain dan apakah wujudnya mereka dalam negara ini seperti wujudnya pokok-pokok dan batu-batu serta gunung-gunung yang ada dalam negara ini? Sekiranya tidak, mengapa mereka itu tidak mengakui sejarah? Sejarah kedatangan bangsa China, sejarah kedatangan bangsa India dan sejarah kedatangan bangsa Portugis, Belanda, Inggeris dan sebagainya ke negara ini adalah merupakan sejarah.

Janganlah kita bercakap seperti lidah bercabang, dari satu segi kita tidak mahu mengakui yang diri kita ini bangsa imigran dan dari satu segi lain pula kita meminta supaya Kerajaan memansuhkan semua sekatan-sekatan perjalanan ke negeri China dan menjadi normalisasi penuh segala perhubungan antara Malaysia dengan China, mengapa begitu? Kerana supaya mudah mereka itu untuk melawat saudara-mara dan datuk nenek mereka di negeri China, supaya hilanglah segala rindu dendam yang dirindui selama ini. Saya tidak ada datuk nenek saya di sana, saya tidak pernah rindu untuk pergi ke negeri China dengan sewenang-wenangnya. Oleh itu janganlah kita bercakap berpura-pura dalam Dewan yang mulia ini kerana terkilau ikan di air kita sudah tahu jantan betinanya.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak perlu menjadikan normalisasi penuh perhubungan dengan China. Sekatan-sekatan untuk melawat ke negeri China mesti kita perketatkan dan kita perkemaskan supaya ianya tidak dipergunakan oleh anasir-anasir jahat untuk mengancam keselamatan negara kita. Keselamatan negara kita adalah lebih penting daripada membuat hubungan dengan negara yang mengakui membantu dan menyokong kegiatan jahat dalam negara ini. Kerajaan Komunis China masih mengakui bahawa Malayan Communist Party (MCP) dan sentiasa memberi sokongan moral sebagaimana sering diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri di dalam Dewan yang mulia ini. Oleh itu apa perlunya kita mengadakan perhubungan bebas dengan sebuah negara yang tetap memberi sokongan kepada musuh negara kita. Oleh itu Kerajaan kita mesti berhati-hati dan menyemak segala hubungan dengan negara China kerana sekiranya keselamatan dan kestabilan negara kita terancam maka musnahlah segala hasil dan perancangan ekonomi negara kita yang kita bina selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$2,861 juta telah diperuntukkan bagi projek membasmi kemiskinan dan \$500 juta pula bagi projek penyusunan semula masyarakat agar hasrat Kerajaan mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Walaupun dasar ini telah menimbulkan kemarahan DAP dan orang-orang yang sama seabodoh dengannya, tetapi ianya tetap dilaksana dan diteruskan agar mereka itu akan sedar dan insaf dengan perbuatan mereka yang mundur itu. Dalam kita memahami Dasar Ekonomi Baru kita tidak boleh tamak dan kita tidak boleh

menyangkakan orang lain itu kaya kerana merampas hak kita kerana dalam negara ini kita mempunyai hak yang sama, sama-sama makan dan sama-sama kaya. Kalau sama-sama bodoh kita juga akan menjadi sama-sama pandai. Kalau satu pihak kenyang, satu pihak lapar; apakah ini adil? Satu kaum miskin, satu kaum kaya; apakah ini sama? Satu golongan itu bodoh dan satu golongan itu pandai, apakah kita ini sesuai dan sama rata serta adil?

Kita tidak boleh menerima keadilan daripada tafsiran orang-orang yang tamak. Kita tidak boleh mengharap keadilan daripada buruk kerana berhakimkan buruk, kedua-dua pihak akan mencapai kerugian. Kalau kita mendengar kata-kata daripada Wakil dari Kota Melaka akibatnya kaum bumiputera dan bukan bumiputera akan tetap mencapai kerugian, akhirnya DAP yang untung kerana dapat menanggung di air keruh. Jerat mereka sudah pun terkena dan ketika itu barulah mereka merasa puas sepuas-puasnya.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru telah mencipta kata-kata yang menyakitkan hati DAP dan orang-orang yang sama tidak tahu dengannya iaitu bumiputera dengan bukan bumiputera. Kata-kata ini dengan mudah untuk membahagikan golongan miskin dengan golongan kaya dan pembahagian ini juga untuk mengecilkan puak ataupun kaum yang berbilang bangsa dan keturunan dalam negara ini. Berkebetulan puak yang dinamakan bumiputera ini telah ada dan wujud dalam negara ini semasa ketibaan datuk nenek bangsa imigran itu. Sebagai satu syarat kemerdekaan dan selepas merdeka mereka ini diberi taraf kerakyatan. Selepas itu terlahirlah kita-kita semua yang ada dalam Dewan ini. Oleh sebab kita tidak membaca sejarah ataupun kita lupa ataupun kita pura-pura hendak melupakan sejarah dengan apa yang

berlaku, maka kita telah menyalahkan orang lain yang membahagi-bahagikan bumiputera dan bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, kita janganlah dengki dan tamak. Kita renung dan tenung jauh-jauh, biar sampai ke negeri China ataupun sampai ke negeri Arab pun tidak apa. Selepas itu kita fikir panjang-panjang dan kita pijak kaki kita ke bumi dan lihat sekeliling kita; kemudian bertanya diri kita sendiri siapakah yang mendapat lebih dalam negara ini dan siapakah yang kaya dalam negara ini dan siapakah pula yang tertekan dan siapa pula yang merana? Selepas itu tanya lagi diri kita: mengapa Kerajaan memberi keutamaan dan memberi kuota yang lebih kepada kaum bumiputera, mengapa? Setengah pihak mengatakan polarisasi kaum disebabkan 70% bumiputera, 30% bumiputera. Sebenarnya kalau tidak diberi 70% kepada bumiputera, 30% kepada bumiputera akhirnya akan menjadi 100% kepada bukan bumiputera sebagaimana yang telah berlaku dan pengalaman kita yang telah berlaku selama ini.

Jadi kita persoalkan mengapa Kerajaan berlaku demikian, kerana untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Dengan sebab itu maka lahirlah Dasar Ekonomi Baru. Kalau pembahagian rumah tidak dikuotakan, kalau peluang mendapat pelajaran tinggi tidak dikuotakan, peluang-peluang perniagaan dan perdagangan tidak dikhaskan kepada bumiputera, akibatnya monopoli satu kaum dalam negara ini akan wujud kerana yang kaya, yang ada wang, yang lebih cerdik akan lebih berpeluang mendapat kekayaan dan kemudahan-kemudahan yang ada dalam negara ini. Maka jurang perbezaan akan menjadi amat jauh sekali, puak yang kaya akan terus kaya dan puak yang miskin tetapi merana. Akhirnya

perasaan prasangka dan irihati akan timbul.

Kita mesti ingat orang miskin dan orang merana selalunya dia tidak takut mati kerana dia tidak ada apa baginya, daripada hidup baik mati katanya. Akibatnya, jangan lupa "Peristiwa 13 Mei" akan berulang. Apakah kita mahu mengulangi peristiwa yang pahit ini? Harapan kita moga-moga Allah menjauhi perkara yang seburuk itu berlaku dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kuota dan hak pemberian kepada golongan miskin janganlah kita ungkit-ungkitkan, nanti akan buruk padahnya kalau yang miskin ini sedar yang pemberian mereka yang sedikit itu diungkit-ungkitkan. Begitu juga Dasar Ekonomi Baru yang telah berjalan 15 tahun, janganlah kita menggagatkannya kerana tindakan DAP yang mengungkit-ungkitkan Dasar Ekonomi Baru adalah tindakan orang yang tidak sedarkan diri, seolah-olah diberi betis berkehendakkan peha. Apakah perisytiharan bersama Persatuan Pedagang dan Persatuan China tahun 1985 itu cuba hendak mengajar itik berenang atau hendak mengajar anak harimau makan daging? Kalau ini maksudnya, janganlah kita membuat kutukan yang melampau-lampau yang boleh menyinggung perasaan orang lain pula yang ada dalam negara ini.

Masalah polarisasi kaum bukan kerana polisi Kerajaan tetapi kerana wujudnya parti DAP dan kuncukuncunya yang tamak dan tidak puas dengan apa yang ada. Apabila orang Melayu mendapat hak yang sama dalam negara ini dan cuba tenung baik-baik dan fikir dengan otak yang waras dan jangan fikir dengan kepala batu yang tidak memberi apa-apa faedah kepada kita.

Bumiputera hanya meminta persamaan apa yang mereka tidak

dapat menikmati, apa yang mereka tidak dapat rasai. Apakah selama ini kita tidak mempunyai kebebasan dan persamaan di dalam kegiatan politik, di dalam kegiatan ekonomi, sosial kebudayaan, bahasa dan peluang-peluang mendapat pelajaran tinggi. Apakah tidak terdapat kebebasan seperti ini dalam negara kita. Kalau mereka menafikan hak-hak ini wujud dan sudah ada dalam negara kita, maka benar-benarlah mereka itu tidak mempunyai mata yang dianugerahkan oleh Allah kepada kita, hanya mempunyai mati kayu, otak udang dan hati batu yang tidak dapat melihat dan berfikir serta berperasaan. Mereka tidak menggunakan anugerah Allah subhanahu wa taala kepada mereka dengan betul.

Tuan Yang di-Pertua, kita adalah sebuah negara bebas yang mengamalkan demokrasi berparlimen serta membentuk dasar ekonomi yang tersendiri dengan kebebasan berpolitik dan kita tidak perlu meragui tentang kebijaksanaan Kerajaan Barisan Nasional dalam mentadbirkan negara yang mempunyai rakyat yang berbilang kaum ini dan kita mesti mengakui tidak ada sebuah negara dalam dunia ini yang berbilang kaum serta berbeza keturunan dapat hidup dalam sebuah negara dengan aman dan damai. Ini adatah hasil daripada Dasar Ekonomi Baru yang baik dan kecekapan Kerajaan mengatasi masalah. Kita tidak boleh mengamalkan demokrasi dan kebebasan seperti melepaskan lembu di padang. Lembu sekali pun kita mesti ada tali di hidungnya. Kalau tidak ada dia akan menjadi lembu liar yang tidak akan dapat dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, kita jangan fikirkan sesuatu dasar itu untuk kepentingan puak kita dengan memenuhi kehendak-kehendak dan perasaan tamak kita. Tetapi fikir dan bantu puak yang kurang dan puak-puak yang tertindas barulah hak

kemanusiaan (human rights) yang sebenarnya dapat diwujudkan dalam negara ini. Jangan kita pandai berkata-kata seperti murai ataupun nuri tetapi tidak tahu apa yang kita katakan. Kalau tidak puas hati juga, masih menganggap negara ini tidak demokratik dan tidak mempunyai keadilan sosial serta merasa tertindas, silalah berjumpa Timbalan Menteri Dalam Negeri dan serahlah kad pengenalan biru maka bolehkah mereka itu belayar menuju ke alam atau tanah yang diidam-idamkan supaya mereka itu benar-benar puas sepuas-puasnya, kerana di sana orang akan menyambut ketibaan tuan dan dengan sukacitanya kami mengucapkan selamat jalan dan "sayonara", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, permintaan wakil dari Kota Melaka untuk membatalkan peruntukan tahun 1980 bagi membolehkan Ahli-ahli Parlimen ataupun Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri menerima pencen selepas berkhidmat selama lebih daripada 3 tahun kepada peruntukan lama selama 9 tahun adalah satu gesaan ataupun satu permintaan untuk menyesuaikan dengan dirinya sendiri, kerana beliau membuat gesaan ini selepas beliau menjadi Ahli Parlimen selama 9 tahun lebih. Mengapa beliau tidak membuat bantahan atau membuat cadangan semasa tahun 1980 dahulu? Kerana masa itu dia belum cukup 9 tahun dan dia terlupa membuat gesaan ini kepada wakilnya yang di belakang iaitu wakil dari Kuching, wakil dari Kepong dan juga wakil dari Sandakan yang baru sepenggal, kerana dia menganggap dirinya telah pun lebih 9 tahun, maka dia gesa supaya peraturan itu dibatalkan. Dia terlupa kawannya di belakang baru satu penggal, tidak sampai 5 tahun lagi.

**Tuan Sim Kwang Yang:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada point of order. Ya?

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Boleh.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Perkara 36 (6)—Impute improper motives. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh hendaklah mengkaji hujah-hujah yang dibentangkan oleh Ketua Pembangkang pada cadangan itu dari segi ekonomi, bukan dari segi self interest sahaja. Ini improper motive.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pada fikiran saya tidak ada improper motives di situ. Sila teruskan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya wakil dari Kuching dia tidak ada dalam Dewan semasa Ketua Pembangkang bercakap, dia lari. Semasa hendak bercakap baru dia masuk. Dan masa orang bercakap pun dia tidak pernah ada. Ini baru ada kerana hendak bangun bercakap. Jadi dia tidak tahu sebenarnya apa yang saya ucap dalam Dewan ini telah pun disebut oleh Ketua mereka sendiri. Jadi apa salahnya kalau saya sebut sedikit sebanyak. Janganlah merasa pedas kalau sekiranya kita termakan lada.

Tuan Yang di-Pertua, dengan gesaan ini dapatlah kita membaca hati perut orang yang mencadangnya dengan sebenar-benarnya. Ahli dari Kota Melaka ini juga telah ketinggalan zaman dan tidak tahu apa yang berlaku. Adakah beliau sedar bahawa ahli-ahli politik dari Barisan Nasional telah pun berkorban, telah pun membantu Kerajaan dalam mengurangkan perbelanjaan awam. Tahukah beliau bahawa Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, serta Setiausaha-setiausaha Parlimen telah pun memotong gajinya semenjak dua tahun yang lepas. Jadi bila pula Ketua Pembangkang hendak berkorban untuk negara supaya memotong elaun Ketua

Pembangkangnya yang \$2,000 itu. Berkorbanlah sedikit, janganlah suruh orang lain berkorban, kita tidak. Jangan kita seru kepada orang lain untuk berkorban tetapi elaun sendiri kita kedekut. Janganlah kita jadikan kita ini bangsa "tahi hidung masin", bercakap banyak. Apakah tugas Ketua Pembangkang sampai tidak malu menerima \$2,000 setahun itu. Nasib baik Kerajaan kita adil, demokratik kepada Ketua Pembangkang yang mencaci kita pun kita bayar \$2,000, lain daripada elaun yang \$3,000 itu tetapi masih lagi mencaci dan tidak pernah berterima kasih, tidak pernah dalam Dewan ini bangun, "Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana memberi peruntukan \$2,000 elaun tambahan kerana saya membangkang tuan-tuan".

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru Kementerian Pelajaran tidak akan undur setapak daripada meneruskan cita-cita Sekolah Rendah Berintegritas agar ianya benar-benar dapat melahirkan satu generasi bangsa yang benar-benar faham antara satu sama lain agar akan hilanglah prasangka yang tidak baik setelah anak-anak kita menerima satu bentuk pendidikan. Jika perlu kita adakan di bawah satu bumbung di dalam suasana yang sama, maka akan wujudlah satu masyarakat yang benar-benar berpadu, maka akan lahirlah satu bentuk perpaduan negara yang benar-benar berfaedah kepada negara. Kita tidak mahu menjadi satu bangsa yang pandai menyebut perpaduan tetapi tindakannya adalah bertujuan untuk memecah-belahkan dan juga menjarakkan lagi polarisasi kaum antara rakyat dalam negara ini, kerana jika rakyat benar-benar faham perpaduan hasil daripada pendidikan berintergrasi inilah akan mengurangkan rakyat kita daripada polarisasi ataupun perbalahan yang timbul di antara kaum dan dengan

berintegrasi ini juga maka kurangnya rakyat kita akan datang untuk hendak menyertai parti DAP. Polarisasi kaum berpunca dari tindak tanduk DAP yang mengamalkan dasar perkauman yang begitu pekat sekali. Kita tidak benar-benar dapat menghapuskan perbezaan cara hidup dan juga norma-norma adat resam serta kebiasaan hidup kita kepada satu bentuk yang boleh diterima oleh semua pihak kalau anak-anak kita diberi pendidikan yang berbeza dengan dikongkong oleh keluarga masing-masing. Maka ianya amat susah bagi kita untuk membentuk perpaduan sejati dalam negara ini kalau sekiranya anak itu tidak dapat dipupuk perasaan ini dari sejak lahirnya atau dari peringkat permulaan atau dari peringkat awal sebelum anak itu mengenal masyarakat dan dunia dan sebelum anak-anak itu mendengar ceramah daripada DAP. Jika kita sudah tua, lebih-lebih lagi kita telah dipengaruhi oleh parti Pembangkang maka bukan sahaja amat susah tetapi kita tidak akan dapat sekali untuk mencapai perpaduan ini.

Oleh itu, janganlah kita menyalahkan orang lain ataupun Kerajaan kalau sekiranya polarisasi masih meluas dalam negara kita, perkauman masih wujud dalam negara kita kerana perkara ini adalah ditimbulkan oleh pihak yang inginkan perpecahan dan inginkan perkara perpaduan ini tidak akan berlaku. Begitu juga pihak yang tidak menyukai projek sekolah rendah berintegrasi ini merupakan orang yang tidak suka kepada hasrat Kerajaan untuk memupuk perpaduan di peringkat anak-anak atau di peringkat anak-anak itu masih rebung lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kelmarin dahulu wakil dari Kepong mempersoalkan siapakah yang akan meneruskan kereta Proton Saga, kata dia. Sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang tidak lagi

menjadi Perdana Menteri. Jadi saya ingin bertanya wakil tersebut, siapakah yang akan menjadi Ketua Pembangkang kalau wakil Kota Melaka ini mati (*Ketawa*). Dan siapakah pula yang akan menjadi wakil Kepong sekiranya wakil Kepong yang ada sekarang ini kalah? Jawablah!

Jadi adalah amat kebudak-budakan bagi kita mengeluarkan soalan seperti ini kerana Proton Saga adalah projek Kerajaan Malaysia, bukan projek yang dibuat itu berdasarkan kepada capacity, pohon izin, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Dan siapa yang menjadi Perdana Menteri, beliau mesti meneruskan projek negara ini. Amat kebudak-budakan sangat sekiranya soalan ini ditanya dalam Dewan ini. Mungkin mereka ini berangan-angan, mungkin selepas ini DAP ingat, beliau akan menjadi Perdana Menteri selepas Perdana Menteri sekarang tidak ada. Kalau ini saya tidak tahu tetapi janganlah berangan-angan besar, janganlah ular lidi hendak menjadi naga, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1986 memperuntukkan sebanyak \$30,812 juta bagi negara kita ini. Kira-kira sebanyak \$21,954 juta atau 71% diperuntukkan bagi Perbelanjaan Mengurus. Hanya \$8.885 juta kira-kira 29% diperuntukkan bagi Perbelanjaan Pembangunan. Peruntukan ini telah bertambah sebanyak \$1,621 juta iaitu kira-kira 6% daripada Belanjawan tahun lalu. Daripada pemerhatian saya, kita dapati Perbelanjaan Mengurus agak tinggi, oleh itu saya menyokong penuh Kerajaan untuk mengetatkan Perbelanjaan Mengurus dan mengamalkan jimat cermat sebagaimana dikehendaki oleh Kabinet baru-baru ini. Begitulah juga dalam usaha Kerajaan membekukan jawatan-jawatan kosong dan tidak akan mewujudkan jawatan baru

asalkan ianya tidak akan menjejaskan prestasi dan kelancaran perjalanan pentadbiran Kerajaan yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengurangkan Perbelanjaan Mengurus adalah tidak wajar sekali pihak Kerajaan bertindak untuk mengurangkan keanggotaan perkhidmatan awam yang dikatakan besar jika dibandingkan dengan negara-negara lain di rantau ini, juga dengan negara-negara membangun yang telah maju, kerana banyak lagi perkara dan butir dalam Perbelanjaan Mengurus yang boleh dikurangkan dan dijimatkan. Menteri-menteri dan pegawai tinggi hendak melakukan jimat-cermat dan hendaklah menjadi contoh dan tauladan dalam mengurangkan Perbelanjaan Mengurus ini supaya ianya tidak dibebankan pengurangan ini kepada pegawai-pegawai dan kakitangan bawahan sahaja. Biarlah ia ber-sesuaian dengan hasrat Kepimpinan Melalui Teladan yang benar-benar dapat diamalkan dalam menjimatkan Perbelanjaan Mengurus ini. Janganlah kita jadi seperti Pembangkang, pandai meminta orang lain berkorban dan berjimat cermat tetapi dirinya juga kedekut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bertindak mengurangkan anggota perkhidmatan awam ini kemungkinan akan meningkatkan lagi kadar-kadar pengangguran yang masa ini telah pun meningkat kepada angka 7% lebih. Apa yang harus kita renungkan bahawa kasar seorang kakitangan Kerajaan bagi setiap 17 orang-orang dalam negara ini adalah sesuai bagi negara kita yang berbilang kaum dan juga tempat yang berjauhan yang dilintasi oleh lautan dan sebagainya. Dan 17 kadar seorang kakitangan dan daripada 17 orang ini adalah sesuai bagi negara kita dan kita tidak boleh membandingkan negara lain kerana

buktinya telah nyata yang kadar yang ada sekarang kita telah berjaya mewujudkan negara yang lebih stabil, pemerintahan yang lebih berjaya dan perkhidmatan awam yang lebih cekap.

Jika kita bandingkan dengan negara-negara lain di rantau ini, mungkin dengan kadar yang ada juga keselamatan negara kita terjamin, ketenteraman negara dapat dikawal, pertumbuhan ekonomi dapat dikekalkan ke taraf yang menggalakkan jika dibandingkan dengan keadaan negara-negara lain di zaman kemelesetan ekonomi sekarang ini. Di negara kita juga kurang berlaku rasuah dan penyelewengan pegawai awam merupakan asas kemajuan negara dan juga kesetabilan pemerintahan yang bercorak demokrasi dalam negara ini dengan kadar yang ada sekarang.

Kewujudan Malaysia sebuah negara yang dihormati adalah hasil dari kecekapan dan perkhidmatan cemerlang yang dilakukan oleh perkhidmatan awam dalam negara kita. Sebab itulah negara kita mengatasi negara-negara lain yang sedang membangun di rantau ini. Bagi negara-negara yang membangun pula dan juga negara-negara maju perkhidmatan awam kurang kerana rakyatnya yang kurang bergantung kepada Kerajaan. Jika kita bandingkan dengan negara yang sedang membangun seperti negara kita ini bahawa pergantungan kepada perkhidmatan awam adalah lebih banyak, lebih perlu kerana rakyat di negara maju, penglibatan sendiri dan daya-usaha swasta adalah lebih menguntungkan dan lebih berjaya. Sebab itulah kurangnya rakyat yang mahu melibatkan diri dalam perkhidmatan-perkhidmatan awam. Lagipun rakyat yang sudah maju dalam negara maju, pertolongan daripada kakitangan Kerajaan sudah tidak menjadi perkara yang amat

penting, sebagaimana negara-negara yang membangun; lebih-lebih lagi dengan adanya peralatan moden komputer yang digunakan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menjimatkan Perbelanjaan Mengurus kadangkala penggunaan komputer tidak akan memberi kesan apa-apa. Selain daripada menambahkan perbelanjaan, terutama di peringkat peralihan kita terpaksa melatih pegawai dan sebagainya. Oleh itu, kita hendaklah berhati-hati dalam masa peralihan menggunakan komputer supaya ianya tidak akan menambahkan Perbelanjaan Mengurus di zaman kita mahu bercermat ini. Jadi janganlah apabila kita kata komputer kita terus hendak menggunakan kata komputer menyebabkan akan membebankan kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak 10 tahun yang lalu saya telah mula menaiki kapal terbang dan setelah menjadi Wakil Rakyat pernah menaiki kapal terbang pergi ke luar negeri selama 5-6 tahun yang lampau. Tetapi yang amat malang bagi saya, daripada 10 tahun yang dahulu sehingga sekarang saya tidak begitu berbeza daripada amalan yang dilakukan di dalam kapal terbang itu dan juga makanan yang dihidangkan kepada saya. Kadang-kadang rasa jemu kita. Tidak dimakan, Pramugari yang cantik-cantik tanya, kata hendak juga. Hendak ditelan kadang-kadang tidak sedap. Selalu makan yang sama. Jadi saya mintalah Kementerian Pengangkutan ini supaya ubah beberapa amalan yang tidak patut diteruskan dan juga mengubah makanan-makanan yang sesuai dengan rakyat kita.

Saya pernah mencadangkan, minta maaf, supaya kita menghidangkan kadang-kadang "nasi dagang". Jawabnya dia nasi dagang mudah basi.

Itu disebabkan orang tidak pandai buat, orang pandai buat tidak basi. Jangan kita menyalahkan nasi dagang mudah basi tetapi kita menyalahkan kita tidak pandai buat. Tidak pandai cari orang kontrak buat nasi dagang, sebab itu mudah basi. Cari makanan-makanan yang sesuai untuk kita yang boleh kita tukarkan selera. Kalau kita pergi ke negeri Jepun atas kapal terbang JAL ada dijamu makanan Jepun yang kita tidak pernah tengok merah-merah, kadang-kadang tidak lalu hendak bubuh ke dalam mulut. Tanya halal?-halal, terus makan. Tidak kenal, kita makan, kita telan. Apa salahnya kita gunakan makanan kita di dalam kapal terbang MAS jangan kita meniru orang lain. Sekarang ini orang Melayu sudah pandai, orang Islam sudah pandai naik kapal terbang. Pergi ke Mekah naik kapal terbang. Jangan kita tidak mahu mengubah kerana kita hendak meniru orang lain, saya dengar. Sebabnya mereka itu terlebih dahulu mengadakan perkhidmatan kapal terbang daripada negara kita. Jadi kita hendak ikut mereka, kita ikut cara negara kita. Kita ubah makanan ikut selera kita dan kehendak kita. Kita membiarkan selera orang-orang kita, kita menjamu selera orang-orang yang bukan orang kita. Lepas itu kita menggalakkan orang-orang kita naik kapal terbang MAS. Sebaliknya kalau kita naik kapal terbang tidak MAS tambangnya lebih murah daripada kita naik kapal terbang MAS. Tetapi kita terpaksa naik kapal terbang MAS kerana kapal terbang kita. Tetapi makanan bukan makanan kita, makanan orang lain, selera orang lain. Ini yang kita marah. Kalau duduk ekonomi teruk lagi; kalau duduk first class makanan tidak selesa. Inilah keadaan-keadaan yang berlaku.

Saya menyokong penuh rakan saya yang menyebut bahawa di dalam penerbangan negara kita kita menunjuk penerapan nilai-nilai Islam

ini. Kita pandai bercakap, tetapi tidak pandai hendak buat. Ini dia penerapan nilai-nilai Islam!

Kita bukanlah hendak menegah selera orang-orang yang bukan Islam. Tetapi dalam kapal terbang MAS, kapal terbang kepunyaan sebuah negara Islam masih lagi menawar dan menjamu arak dan alkohol. Bukan itu sahaja menjual pula. Orang yang menjamu dan menjual dan juga menggalakkan alkohol ini, tanya Ustazlah, berdosa dan dianggap bersubahat. Sudah kita bekerja, bersubahat pula lebih-lebih lagi kalau itu orang Islam yang menjamu. Kalau kita hendak menerapkan nilai-nilai Islam benda yang haram ini kita kena haramkan.

Sebab itu dalam kapal terbang kita tidak buat perubahan. Misalnya kita hendak memulakan Dewan kita dengan baca doa. Apa salahnya di dalam kapal terbang hendak memulakan penerbangan kita mulakan satu doa "Ya Allah, Ya Tuhan ku, selamatlah aku, puak-puak aku supaya jangan jatuh" apa salahnya. Kita boleh doa dengan Bahasa Malaysia, kita boleh doa dalam bahasa Inggeris, kita boleh doa dalam bahasa Cina dan kita boleh doa dalam bahasa India. Tetapi perkara ini tidak dilakukan. Dilakukan benda yang tidak berfaedah. Duduk menerangkan benda-benda takut kapal terbang jatuh. Duduk pakai pelampung, sedut udara, untuk menakutkan. Tetapi tidak pernah mendoa kepada Tuhan supaya kita ini selamat. Tetapi dia suruh pakai benda itu. Pakai benda itu kalau hendak mati, mati juga. Tetapi kalau kita doakan selamat kepada Allah s.w.t., insya Allah.

Jadi saya minta kepada MAS dan Menteri Pengangkutan supaya mengubah ini. Jikalau Menteri itu bukan orang Islam, kita beri kepada Timbalan Menteri untuk mengubah supaya kita memulakan dengan doa.

Orang tidak mahu tadah tangan tidak payah tadahlah; kita tadahlah. Semoga-moga ianya ada perubahan. Tidaklah duduk menerang pakai itu, pakai ini dan sebagainya. Seronok pula kita tengok di depan macam tengok wayang. Jadi perkara-perkara ini biarlah ada perubahan sedikit. Kita buat ikut kehendak negara. Kehendak international itu kita ikut dan ikut kehendak kita, kita buat.

Saya naik kapal terbang Arab, masa hendak pergi dari Jeddah ke Mekah dia buat cara dia, jauh tiada beza, serupa kita. Dia bercakap Arab dan jamu alkohol tidak ada. Maju juga, orang naik juga. Tetapi kita, takut orang tidak baik. Kalau hendak taruk juga biar nanti orang minta jangan kita tawar, nanti orang minta—saya tidak boleh duduk dalam kapal terbang kalau tidak minum alkohol, berilah masa itu. Kalau ada mana-mana yang ketagih sangat. Ini bukan ketagih, tetapi ditanya hendak, hendak—jaja. Jadi amalan begini tidak elok. Kalau hendak juga biar orang minta baru bagi, jangan kita menawar perkara-perkara yang boleh menyentuh perkara-perkara yang kita hendak menerapkan nilai-nilai Islam yang boleh memberi gambaran yang kurang baik kepada negara kita dan juga mempunyai unsur-unsur yang tidak dikehendaki.

Selain daripada itu saya juga menyentuh sedikit tentang projek keretapi ini. Saya dengar consultant sudah ada. Consultant sudah membuat satu kajian oleh syarikat, rasanya JAICA daripada Jepun. Apabila Consultant daripada Jepun maka Jepunlah akan datang untuk hendak tangkap tender. Katanya 4-5 kompeni Jepun sudah datang hendak tender projek keretapi kita yang baru ini.

Yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah jujur atau tidak Consultant ini. Kadang-kadang Consultant berpakat juga dengan

kontraktor, pun ada. Kalau 10 kompeni yang masuk hak kompeni mana yang boleh beri dia percentage banyak sedikit berdasarkan kontrak. Dia sudah dapat bayaran Consultant tetapi dia tahu yang mana yang banyak, yang itulah yang dia akan puji dalam working paper yang dia buat, sehingga yang buruk tidak timbul. Yang baik semua nampak yang itu yang dicadangkan, pun ada. Ada berlaku.

Jadi, kalaulah kita pakai Consultant Jepun tidaklah semestinya kontraktor Jepun. Kontraktor dari negara kita pun ada banyak tetapi ini kita hendak memperkembangkan pihak swasta. Tetapi swasta mana? Swasta Jepun? Swasta dalam negara kita ternganga, tidak ada kerja. Jadi kalau cara ini saya rasa adalah tidak adil bagi sebuah negara kita yang sedang membangun ini yang kita lebih mementing dan menganggap kontraktor Jepun ini dan Korea ini lebih baik daripada kita.

Sebenarnya saya mengatakan bahawa, dari segi sejarah dan pengalaman, kontraktor ini juga banyak melakukan penipuan terhadap joint-venture yang dilakukan dalam negara kita. Penipuan inilah yang kita tidak sedar, dan mungkin juga perkara-perkara ini patut kita awasi. Jagalah kontraktor kita dahulu, jagalah rakyat kita dahulu, selepas itu barulah kita jaga orang lain. Kalau benda ini boleh dibuat oleh kontraktor dalam negara kita, mengapa kita perlu mengambil kontraktor-kontraktor Jepun, Korea dan sebagainya?

Saya minta kepada Kementerian ini mengenai consultant Jepun supaya jangan harapkan Jepun juga yang menjadi kontraktor dan biarlah kontraktor kita, kontraktor anak negeri atau kontraktor bumiputera, jika perlu, supaya dapat sama-sama menikmati hasil daripada pembangunan dalam negara kita ini, supaya kita dapat sama-sama

menyuburkan kehendak dan juga seruan Yang Berhormat Menteri Kewangan, supaya kita dapat memperkembangkan sektor swasta dalam negara ini, supaya kita sama-sama dapat merebut peluang-peluang kekayaan dan juga peluang-peluang lain yang ada dalam negara kita.

Dengan ini saya menyokong Belanjawan yang dibentangkan dalam Dewan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Muar.

5.42 ptg.

**Dato Dr Neo Yee Pan (Muar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Belanjawan 1986 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya ingin menimbulkan suatu perkara yang amat penting sekali, yang melibatkan kepentingan semua rakyat kita.

Saya merujuk kepada masalah nasional, iaitu polarisasi kaum. Masalah ini boleh dianggapkan seperti penyakit AIDS yang mendatangkan kehancuran. Berbeza dengan AIDS, masalah ini boleh diubati. Sebenarnya, masalah ini dapat diselesaikan sekiranya Kerajaan mengambil langkah-langkah yang adil, berani dan positif. Masih tidak terlewat lagi bagi kita untuk membetulkan kesalahan kita. Kita semua adalah manusia dan kita terpaksa mengakui bahawa kadang-kadangnya kita melakukan kesalahan, hanya mereka yang bersikap sombong dan mempunyai ego yang terlampau besar tidak akan mengaku kesatahan mereka. Sikap seperti ini adalah kurang sihat.

Kerajaan sepertimana dengan institusi Parlimen ini adalah terdiri daripada manusia yang dimotivasi serta didorong oleh ideal-ideal, impian-impian dan cita-cita peribadi.

Dalam hati kita tersemainya harapan rakyat Malaysia yang hidup bahagia. Bagaikan satu keluarga yang besar, kita bersama-sama menikmati hasil usaha kita. hidup dan bergaul mesra di antara satu sama lain tanpa mengambil kira kaum, kepercayaan dan agama. Saya yakin bahawa itu pastinya harapan dan impian setiap Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh saya, di Dewan yang mulia ini adalah selaras dengan kebanyakan daripada Deklarasi 7 perkara yang dikemukakan oleh Persatuan-persatuan China Malaysia atau, dengan izin, the Chinese Guilds and Associations of Malaysia baru-baru ini. Dokumen tersebut adalah paling penting oleh kerana ia mencerminkan perasaan tulin masyarakat Cina.

Saya mengemukakan setengah daripada pandangan-pandangan ini sekarang di mana saya boleh menyuarakan hasrat hati masyarakat Cina. Salah satu daripada perkara yang termaktub di dalam Deklarasi tersebut adalah masalah polarisasi kaum yang diakibatkan oleh penekanan yang berlebihan ke atas konsep "bumiputera" dan "bukan bumiputera", yang mengakibatkan rakyat kita berfikir secara berasingan. Negara kita tidak dapat bersatu-padu seandainya rakyat kita berfikir dan bertindak secara berasingan. Dalam keadaan ini, rakyat kita yang berbilang kaum pasti tidak akan memberi sumbangan yang maksima dan sebaliknya kita tidak boleh mengharapkan sebarang sumbangan daripada mereka yang merasakan diri mereka telah diasingkan atau dialienasikan.

Saya menyokong Dasar Ekonomi Baru kerana saya percaya dalam usaha membasmikan kemiskinan dan

mempertingkatkan taraf hidup rakyat tanpa mengira kaum saya tidak ingin membantah langkah-langkah yang diambil untuk memperbetulkan ketidaksamaan dalam sektor ekonomi kita. Tetapi nampaknya usaha-usaha kita untuk memperbaiki keadaan ini telah menimbulkan kesan-kesan buruk akibat daripada penekanan yang berlebihan ke atas konsep "bumiputera, dan "bukan bumiputera".

Cadangan baru-baru ini bahawa penganut-penganut agama Islam, atau dengan izin, Muslim Converts patut dianugerahkan status bumiputera tidak akan meringankan masalah ini. Sebaliknya ia pasti akan memisahkan lagi rakyat kita yang berbilang agama.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu lagi pengisytiharan dalam deklarasi tersebut, ialah semua dasar Kerajaan harus disesuaikan dengan peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Rukunegara dan Piagam Bangsa-bangsa Bersatu seandainya kita ingin memastikan supaya hak-hak asasi manusia serta hak-hak legitimasi dan demokratik tidak dicabuli.

Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa dalam masyarakat yang berbilang kaum kita, prinsip panduan kita harus dirumus secara berperlembagaan. Ini adalah bertujuan untuk membina sebuah negara yang bebas dan berdaulat, yang menegahkan kesamaan, kebebasan, demokrasi dan keadilan di kalangan masyarakat yang berbilang kaum. Memang tidak boleh dinafikan bahawa keharmonian kaum dan perpaduan nasional yang wujud berlandaskan kesamaan adalah asas-asas bagi kemakmuran dan pembangunan negara kita.

Memandangkan bahawa masalah polarisasi kaum akan membahayakan proses pembangunan negara, maka

sebarang cadangan bersifat diskriminasi kaum dalam mengimplementasikan dasar-dasar negara mestilah dielakkan. Ini adalah untuk mengeneppikan sebarang anggapan bahawa hak seorang adalah jauh lebih banyak daripada hak orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan Persekutuan adalah landasan kepada sistem demokrasi berperlembagaan dan perpaduan nasional kita. Kemurnian Perlembagaan ini mesti dijaga dengan teliti. Kita mesti memberi penekanan yang sewajarnya terhadap pandangan-pandangan rakyat. Kita juga mesti sering berunding dengan rakyat. Dengan cara seperti ini barulah kita boleh disifatkan sebagai satu Kerajaan rakyat, dipilih oleh rakyat dan untuk kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pada prinsipnya, Dasar Ekonomi Baru tidak boleh dipersalahkan. Saya dengan ikhtasnya percaya bahawa kita patut membasmikan kemiskinan sekiranya negara kita ingin mempertahankan diri dari kegiatan-kegiatan subversif serta demi memastikan supaya masyarakat kita hidup dalam keharmonian. Rakyat kita akan mempertahankan sistem pemerintahan kita sekiranya mereka merasakan diri mereka mempunyai kepentingan dalam negara ini.

Malangnya dalam proses pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, penekanan yang melampau telah ditumpukan kepada usaha untuk membetulkan ketidaksamaan ekonomi, dan kurang sekali perhatian diberi kepada isu-isu sosio-politik akibatnya kebanyakan daripada rakyat kita merasakan diri mereka telah ditindas dan diasingkan. Ini mungkin salah satunya sebab yang mengakibatkan masalah polarisasi kaum. Keadaan ini tidak boleh dibiarkan lagi dan saya dengan

ikhlasnya mendesak supaya DEB tidak patut diperlanjutkan selepas tahun 1990.

Selepas tahun 1990, MCA akan menyokong sepenuhnya sebuah dasar ekonomi yang bermatlamatkan untuk membasmikan kemiskinan tanpa mengira kaum, dengan proses pembangunan yang seimbang dalam bidang-bidang sosio-politik.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita telah dipilih oleh rakyat berlandaskan janji untuk mewujudkan sebuah sistem pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah. Kita pasti sedar akan laporan-laporan yang disiarkan dalam akhbar-akhbar luar negeri mengenai peningkatan kadar rasuah di negara kita. Kesemua ini pasti mencemarkan nama baik negara kita dalam pandangan negara-negara lain. Kita mesti ambil langkah-langkah yang positif untuk mengelakkan serta menghapuskan amalan-amalan rasuah demi kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu masalah yang mengakibatkan kegelisahan sosial ialah masalah pendatang-pendatang haram Indonesia dan pelarian Filipina. Cadangan yang dibuat oleh Persatuan-persatuan Cina Malaysia untuk membentuk sebuah Jawatankuasa Khas supaya menjalankan suatu penyiasatan yang menyeluruh ke atas masalah ini perlu dipandang berat. Dengan wujudnya , masalah pengangguran yang semakin merisaukan, bukan sahaja rakyat-kita telah tertinggal dari menikmati peluang-peluang pekerjaan yang telah "dirampas" oleh pendatang-pendatang tersebut malah kesejahteraan dan keselamatan mereka juga diancam oleh tingkah laku mereka yang kurang menyenangkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita amat menghargai sistem pendidikan negara

kita. Memang benar bahawa pendidikan telah dipandang berat oleh rakyat dan Kerajaan kita. Di kalangan rakyat kita, pendidikan merupakan sejenis pelaburan yang bijaksana dan sebagai satu cara untuk menikmati taraf hidup yang lebih baik. Perhatian yang adil dan saksama mesti diperuntukkan kepada semua jenis sekolah dari segi peruntukan kewangan. Tumpuan yang sama patut diberi kepada penubuhan sekolah-sekolah baru serta kemudahan-kemudahan, latihan perguruan dan program-program lain yang bersangkutan. Peruntukan ini patut diberi tanpa mengambil kira jenis bahasa pengantar yang digunakan oleh sekolah-sekolah kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sependapat dengan pandangan-pandangan Persatuan-persatuan Cina Malaysia bahawa Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) baru perlu didirikan dalam nisbah yang sama dengan kadar pertumbuhan penduduk-penduduk di kawasan tertentu. Dalam kes di mana sekolah-sekolah ini dibina di atas tanah yang bukan pemilikan Kerajaan, pihak Kerajaan perlu memenuhi janji untuk memberi bantuan kewangan secara seringgit-bagi-seringgit. Jabatan-jabatan Bahasa Cina dan Tamil yang sedia wujud di maktab-maktab perguruan mesti diperkembangkan. Bagi maktab-maktab yang belum ada jabatan-jabatan tersebut, langkah-langkah harus diambil untuk mewujudkannya. Syarat kelayakan untuk memasuki jabatan-jabatan ini mesti dilonggarkan; umpamanya, kepujian dalam Bahasa Malaysia tidak seharusnya dijadikan syarat wajib.

Pihak Kerajaan harus mengiktiraf nilai sumbangan yang diberikan oleh Sekolah-sekolah Bebas Menengah Cina dan menggalakkan pembangunan sekolah-sekolah ini dengan memberi bantuan-bantuan

kewangan, latihan perguruan, serta kemudahan-kemudahan lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya megesyorkan supaya kita berhati-hati dengan cadangan untuk memperkenalkan sistem sekolah integrasi di sekolah-sekolah rendah. Umumnya terdapat perasaan syak wasangka dan kebimbangan di kalangan masyarakat Cina bahawa skima ini akan menjejaskan bentuk pendidikan bahasa ibunda. Di meratarata sahaja terdapatnya bantahan kuat terhadap skima ini terutama dari kalangan pendidik-pendidik Cina. Adalah mustahak bagi pihak Kerajaan untuk memandang berat terhadap pandangan-pandangan masyarakat Cina dan menimbang tarik balik cadangan-cadangan ini.

Saya menyokong pendapat bahawa Kerajaan perlu menyediakan lebih banyak peluang bagi pendidikan institusi tinggi demi meningkatkan taraf akademik umum dan professional rakyat kita serta memenuhi keperluan pembangunan negara. Galakan patut diberi kepada penubuhan universiti-universiti dan maktab-maktab persendirian demi menyelesaikan masalah kekurangan tempat dalam pusat-pusat pengajian tinggi, ini akan membolehkan sektor swasta memberi sumbangan mereka dalam bidang pendidikan dan sosio-ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah berucap dengan panjang lebar mengenai masalah polarisasi kaum yang disebabkan oleh penekanan-penekanan tertentu yang melampau dalam pelaksanaan dasar-dasar negara kita. Masih tidak lewat bagi kita mengukuhkan perpaduan nasional dan keharmonian kaum. Saya cadangkan supaya langkah-langkah berikut diambil demi:

- (1) mempereratkan serta mengukuhkan semangat patriotisme (sense of belonging)

- dan identiti masyarakat yang berbilang kaum;
- (2) memastikan supaya semua hak legitimasi setiap masyarakat dalam negara kita dipertahankan. Lantaran itu, menghapuskan semua bentuk prasangka yang sedia wujud;
  - (3) mengeratkan interaksi dan pergaulan di antara masyarakat-masyarakat yang berbilang kaum serta mendorong semangat kerjasama di antara persatuan-persatuan dan pertubuhan masing-masing;
  - (4) menggalakkan setiap kederhanaan, bertoloren ampun mengampun serta berbudi bahasa;
  - (5) mengurangkan penekanan ke atas konsep "bumiputera" dan bukan bumiputera; dan
  - (6) merumuskan sebuah skim untuk menggalakkan integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kebanyakan daripada rakan-rakan saya di Dewan yang mulia ini, saya tidak berpeluang untuk melibatkan diri dalam perjuangan untuk mencapai kemerdekaan kerana umur saya ketika itu masih muda lagi. Walau bagaimanapun, kita semua sedar akan sumbangan yang telah diberikan oleh ketiga-tiga bangsa utama dalam memperjuangkan kemerdekaan. Ketika itu, komunikasi dan interaksi di antara masyarakat yang berbilang kaum kita amat tuas dan bebas sekali. Sebagai rakyat negara ini, meraka merasa kesamaan. Selepas 28 tahun mencapai kemerdekaan, kini kita nampaknya telah gagal menjadikan rakyat sebagai satu bangsa Malaysia (one Malaysian people).

Walaupun dasar-dasar dan tujuan-tujuan yang dirumuskan oleh kita betapa baiknya tetapi ia pasti akan

gagal sekiranya masyarakat-masyarakat yang berbilang kaum itu tidak diikat oleh perasaan kesatuan yang sama (feeling of oneness). Kita mesti ingat bahawa proses pembangunan dan kesejahteraan negara tidak hadir sebegitu sahaja. Ia adalah hasil dari usaha-usaha bersama semua rakyat kita iaitu sumber yang paling penting dalam proses pembangunan negara.

Ketika merumuskan Rancangan Malaysia Kelima, Tuan Yang di-Pertua, biarlah kita memberi keutamaan untuk mewujudkan semangat kesatuan di kalangan rakyat kita. Rakan-rakan saya dan saya dalam parti MCA akan terus menyokong sebarang usaha yang bertujuan untuk mewujudkan semangat bersatupadu menerusi perkongsian yang sama dan adil dalam peluang-peluang ekonomi, politik dan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memberi sokongan penuh kepada Belanjawan 1986. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Betong.

6.01 *ptg.*

**Datuk Alfred Jabu Anak Numpang (Betong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut bersama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini untuk membahaskan ucapan Belanjawan 1986 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 25hb Oktober, 1985.

Saya menyokong semua langkah-langkah pendekatan ataupun strategi-strategi Kerajaan dalam usaha-usaha rancangan hendak mempergiatkan lagi unsur-unsur pembangunan ke merata tempat di negara kita Malaysia yang didiami oleh berbilang kaum, berbilang keturunan, berbilang

agama dan di sesebuah negeri dalam Mataysia terdapat keistimewaan setempat ataupun, dengan izin, local peculiarities ataupun local differences dan juga di antara daerah ke daerah terdapat serba perbezaan tersendiri.

Belanjawan 1986 amatlah dialu-alukan oleh penduduk-penduduk, lebih-lebih lagi di luar bandar yang akan menikmati kesan-kesan positif dan penuh makna sekiranya ke semua projek-projek dan kemudahan-kemudahan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti kemudahan jalan raya, bekalan elektrik luar bandar, bekalan air, perkembangan infrastruktur, pelancongan dan sektor pertanian harus dapat diperluaskan ke luar bandar. Dengan adanya implementasi projek tersebut rakyat di luar bandar akan mengalami sedikit sebanyak perubahan, pembaharuan di mana segala penderitaan akan berkurangan. Jikalau implementasi projek-projek tersebut akan terganggu, saya khuatir, Tuan Yang di-Pertua, rakyat di luar bandar, di hulu sungai, di tepi laut akan masih lagi dalam ketinggalan dan akan merasa hampa.

Di sini saya ingin menyeru kepada pihak Jabatan ataupun agensi pelaksanaan mengambil sikap serius menyusun keutamaan atau priority, dengan izin, supaya ada imbalan atau balance, dengan izin, bukan sahaja dari segi pembahagian antara sesebuah negeri tetapi dari segi penyertaan oleh segenap lapisan kaum.

Strategi yang terkandung dalam Belanjawan 1986 bertujuan melipatgandakan hasil pendapatan kepada rakyat, memberi petuang mendapat saraan hidup secara tebih lumayan dibanding dengan apa yang diperolehi oleh rakyat buat masa sekarang. Langkah seperti ini adalah langkah positif untuk membasmikan

kemiskinan satu strategi yang Kerajaan amali dalam penyusunan semuta masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai rakyat biasa yang datangnya dari luar bandar, dari golongan kaum petani sangat mengalu-alukan strategi dalam Belanjawan 1986 yang memberi serba galakan untuk sektor pertanian.

Terdapat di Sarawak begitu ramai kaum petani lebih-lebih lagi kaum bumiputera masih dalam keadaan miskin disebabkan sukar mendapat tempat yang sesuai untuk bercucuk tanam dengan cara yang teratur.

Keadaan di Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum amatlah banyak berbeza dengan keadaan di Semenanjung Malaysia mahupun dari segi komunikasinya, jalan rayanya dan dari kemudahan-kemudahan yang lain. Disebutkan dengan purata kasar Sarawak masih dalam zaman ketinggalan dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia.

Salah satu daripada projek yang rakyat di Sarawak harapkan ialah projek Rancangan Pertanian Bersepadu (Integrated Agriculture Development Programme). Pada waktu sekarang terdapat di Sarawak dua rancangan pertanian bersepadu. Satu kawasan dalam rangka diimplementasikan iaitu di Lembah Samarahan dan satu lagi di peringkat akhir kajian projek feasibility iaitu di kawasan Kelaka-Saribas,

Mengikut kajian, kedua-dua rancangan pertanian bersepadu ini, Samarahan dan Kelaka-Saribas memerlukan pengambilan kakitangan-kakitangan tertentu untuk mengisi jawatan. Projek ini tidak akan berjalan licin tanpa pengambilan kakitangan-kakitangan yang disyorkan dalam projek feasibility studies. Maka dengan ini saya menyeru kepada pihak

Kerajaan dan kepada Jabatan berkenaan supaya pembekuan pengisian jawatan tidak dikenakan dalam Rancangan Pertanian Bersepadu di Samarahan dan di Kelaka-Saribas, Saya sebutkan perkara ini supaya dielakkan serba perkara yang menjadi punca mengganggu pencapaian Dasar Pertanian Negara dan Dasar Ekonomi Baru.

Sekiranya dibeku jawatan-jawatan yang mustahak ini maka rakyat di kawasan Samarahan dan Kelaka-Saribas Rancangan Pertanian Bersepadu akan marah, bukan hanya sahaja marah tetapi akan hampa harapan mendapat saraan hidup lebih lumayan dan juga akan tinggal menderita begitu lama dan rancangan pertanian bersepadu akan tinggal nama Rancangan Pertanian Bersepadu sahaja. Kerajaan akan menjadi tumpuan dan akan dituduh menghampakan kehidupan rakyat.

Berkenaan dengan Rancangan Pertanian Bersepadu Samarahan dan Kelaka-Saribas, Tuan Yang di-Pertua, adalah sudah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan pihak PORIM dan MARDI untuk dijalankan oleh PORIM dan MARDI, penyelidikan *in-situ* mengenai crops feasibility studies and economics of developing peat soil, dengan izin. Kerajaan Sarawak sudah pun bersetuju memberi kawasan untuk menjalankan penyelidikan tersebut. Harapan rakyat di Sarawak ialah untuk memberi kerjasama dengan PORIM dan MARDI supaya kedua-dua agensi pakar-pakar tersebut boleh mempercepatkan tugas-tugas yang disanggup oleh mereka dan memberi bimbingan nasihat ataupun bantuan khidmat terhadap petani-petani di kawasan Rancangan Bersepadu Samarahan dan di Kelaka-Saribas.

Pada keseluruhannya negeri Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, masih

begitu luas dan terdapat banyak lagi kawasan yang di luar dari kawasan cadangan Rancangan Pertanian Bersepadu Samarahan dan Kelaka-Saribas. Saya menyeru kepada pihak Kerajaan Pusat agar ditambah lagi kawasan-kawasan di Sarawak untuk dimajukan menerusi Rancangan Pertanian Bersepadu (Integrated Agricultural Development Programme) supaya dipercepatkan lagi langkah-langkah membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat.

Dalam ucapan Belanjawan di Dewan yang mulia ini pada tahun-tahun yang lepas, Tuan Yang di-Pertua, saya pernah menyeru pihak Kerajaan Pusat untuk memperluaskan aktiviti-aktiviti FELCRA dan FELDA ke Sarawak seperti yang sudah disebutkan beberapa hari dahulu oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kapit untuk membantu agensi-agensi pembangunan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, secara tradisi Sarawak adalah terkenal dengan pengeluaran lada putih ataupun lada hitam dan tepung sagu dan juga terdapat begitu ramai penduduk di Sarawak bergantung kehidupan dengan penanaman sagu dan lada. Saya menyeru kepada pihak Kerajaan Pusat supaya memberi bantuan yang berterusan kepada industri menanam sagu dan menanam lada dan saya menyokong peruntukan bantuan untuk penanam-penanam padi di Semenanjung Malaysia dan berharap penanam-penanam padi di Sarawak dapat menikmati bantuan yang serupa.

Saya ingin beralih, Tuan Yang di-Pertua, ke satu topik iaitu perkara jalan raya atau apa sahaja dalam erti kata kemudahan perhubungan. Saya sedar bahawa Kerajaan kita menumpukan perhatian terhadap pembinaan jalan raya untuk

memudahkan perhubungan. Tetapi saya akan mengemukakan serba sedikit masalah-masalah jalan raya di negeri Sarawak dalam erti kata jalan raya ala Sarawak.

Saya rasa Sarawak mendapat kurang simpati daripada Kementerian Perhubungan dan Pengangkutan. Boleh jadi disebabkan pihak Kementerian itu kurang memahami kerumitan-kerumitan berkenaan keadaan di Sarawak, boleh jadi juga apabila Yang Berhormat Menteri-menteri berkenaan melawat ke Sarawak mereka tidak mengatitkan program ke luar-luar bandar mengakibatkan keadaan di luar bandar masih luar daripada dugaan mereka, menyebabkan saya termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sarawak terpaksa menimbulkan sungutan ataupun rayuan kerap kali bersidang Dewan yang mulai im menarik perhatian Kementerian yang berkenaan.

Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, menjelaskan di sini, yang maksudkan dalam perkataan "jalan raya" di Sarawak termasuk lebuhraya, penurapan jalan raya, dengan izin, trunk road, feeder road, development road, batang sungai, terusan sungai, anak sungai dan jalan-jalan kecil dari tepi sungai ke kampung ataupun dari kampung ke kampung. Kadangkala terdapat sungai-sungai di luar bandar sukar dilintasi oleh perahu. Perahu dan sungai-sungai adalah transport biasa yang tunggal di luar bandar. Oleh kerana Jeram deras yang mempunyai serba navigational hazards, dengan izin, di mana batu-batu terletak di arus Jeram yang berbahaya dan arus sungai yang berliku-liku teruk. Saya memohon untuk dipertimbangkan peruntukan wang bagi membersihkan sungai-sungai tersebut oleh kerana di tempat itu tidak ada alternative transport system, dengan izin, termasuk

peruntukan wang untuk eksplosif, untuk mengebom, sungai berbahaya supaya perahu-perahu ataupun bot-bot senang melintasi.

Bagi penduduk di tempat itu, Tuan Yang di-Pertua, kehidupan mereka bergantung atas transport menggunakan perahu dan sungai-sungai walau bagaimanapun bahayanya. Kadangkala mereka karam, bot-bot mereka rosak, kehilangan harta benda dan kehilangan jiwa disebabkan mati lemas di sungai bahaya itu.

Mengenai perhubungan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendesak Kerajaan Pusat supaya cadangan untuk membina lapangan terbang seperti lapangan terbang baru di Sarawak dapat dipercepatkan. Yang dimaksudkan saya ialah lapangan terbang Sibul, Bintulu dan yang di luar bandar seperti di Mukah, Bario dan lain-lainnya. Penggunaan kapal terbang adalah sangat perlu secara perhubungan di Sarawak. Pembinaan landasan kapal terbang tersebut akan memudahkan perindustrian pelancongan untuk berkembang ke Sarawak di mana terdapat berbagai tempat pelancongan menarik seperti di Gua Niah, Pantai Damai, Gunung Mulu, Bukit Saduk, Kapit dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin sentuh ialah peruntukan penurapan tar jalan raya di Sarawak. Saya kemukakan perkara ini kerana banyak kali semasa saya melawat ke kawasan-kawasan luar bandar, rakyat yang di luar bandar membuat sungutan atas beberapa teruk keadaan jalan raya di luar bandar. Masa tengkujuh, banyak jalan berlubang-lubang, kadangkala banyak kemalangan berlaku di jalan raya tersebut. Kereta cepat rosak dan ongkos maintenance, dengan izin, begitu tinggi; bukan sahaja seperti

dituduhkan oleh Ahli dari DAP, kereta Proton Saga, apa jenis kereta pun cepat rosak di Sarawak. Apabila musim kemarau, banyak berdebu abus mengakibatkan bahaya kepada pengguna jalanraya. Lagi pun abus debu ini punca pencemaran menjejaskan kesihatan masuk dalam perigi atau sungai di mana pemastautin sepanjang jalanrayanya mendapat air untuk minuman atau untuk mandi.

Menyentuh pada pembekalan air di luar bandar, saya kagum mendengar atas peruntukan yang agak lebih banyak untuk tahun 1986. Dari peruntukan yang agak berlebihan, banyak pada tahun hadapan untuk bekalan air di luar bandar, saya berharap peruntukan untuk Sarawak dapat ditambah. Ini memandangkan kepada begitu ramai kampung-kampung yang bertaburan di merata tempat di Sarawak, lebih-lebih lagi kampung-kampung di tepi laut, di mana bekalan bergantung hanya atas air hujan ataupun di tempat bergunungan yang tidak mempunyai sumber air di sekitarnya melainkan dari air hujan yang kadangkala tidak pernah turun ataupun saluran air paip dari sumber air dari tempat yang berjauhan.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan di sini ialah peruntukan untuk membeli bahan-bahan seperti paip, simen, besi, tulang simen dan penduduk-penduduk akan bergotong-rojong membina paip-paip ini.

Satu lagi perkara yang saya akan sebutkan di sini adalah mempunyai kemudahan perubatan, Tuan Yang di-Pertua. Terdapat di Sarawak begitu ramai penduduk kekurangan kemudahan perubatan. Pusat-pusat kesihatan masih jauh dan sukar dihubungi. Yang dimaksudkan saya Tuan Yang di-Pertua, supaya Kementerian Kesihatan dapat meneruskan peruntukan ini dalam

1987, 1988 dan tahun kemudiannya supaya apa sahaja peruntukan yang diberi pada tahun 1986 tidak akan dihentikan begitu sahaja. Saya membuat rayuan disebabkan di luar bandar di Sarawak terdapat kekurangan doktor dan apabila pusat-pusat kesihatan daerah ini siap kelak, lebih ramai doktor atau pakar perubatan dapat ditugaskan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mempergiatkan sektor pertanian dan sektor perindustrian, sesebuah Negeri tidak akan dapat sambutan dan penyertaan sepenuhnya selagi-lagi kemudahan supporting services, dengan izin, belum mencukupi. Terdapat di Sarawak masa kini, Tuan Yang di-Pertua, cawangan-cawangan Bank Pertanian hanya terhad di beberapa tempat sahaja dan tidak kurang daripada 20 daerah belum ada cawangan Bank Pertanian. Begitu juga pihak MARA belum dapat memberi, dengan izin, effective coverage ke seluruh Sarawak. Saya rasa kekurangan kemudahan seperti cawangan Bank Pertanian dan Pejabat MARA perlu diperbaiki, Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya tidak diperbaiki maka agak sukar, atau dengan izin, "pessimistic" projek-projek pertanian untuk rakyat di luar bandar di Sarawak akan memberi kesan yang positif.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh dan memberi komen mengenai integrasi nasional. Negeri Sarawak mengalu-alukan segala unsur ke arah integrasi nasional. Rakyat di Sarawak berasa untung dan bertuah menyambut lawatan rasmi Jima hari keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dalam bulan September, 1985. Hasil lawatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong dan Raja Permaisuri Agong sudah menjalinkan penuh kemesraan dan penuh keikhlasan semangat hendak mengamalkan unsur-unsur integrasi nasional. Lawatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke Sarawak akan kekal lama menjadi kemesraan dan kenangan manis dalam sanubari rakyat Malaysia yang berbilang kaum di Sarawak terhadap Raja kita yang berdaulat.

Di sepanjang lawatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong, rakyat Malaysia yang berbilang kaum di Sarawak turun beramai-ramai dari kampung, rumah panjang dan pekan hendak menatap wajah Seri Paduka Baginda berdua dan untuk berjumpa dengan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong. Sambutan yang begitu meriah mencerminkan betapa tinggi kasih sayang dan betapa tinggi kesetiaan rakyat pada Raja kita. Rakyat di Sarawak melafazkan sembah junjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong serta Raja Permaisuri Agong atas lawatan rasmi Seri Paduka Baginda berdua baru-baru ini dan berdoa semoga Seri Paduka Baginda berdua dikurniakan umur panjang dan sentiasa dalam keadaan sihat walafiat.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di Sarawak juga berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita yang kita kasihi atas beberapa lawatan beliau ke Sarawak, termasuk baru-baru ini bersempena dengan perasmian Wisma Seberkas, projek Hidro Batang Ai dan pembukaan Khemah Kerja Belia anjuran PBB yang bertemakan ke arah integrasi nasional. Khemah Kerja selama satu minggu ini yang disertakan oleh lebih 250 peserta terdiri dari parti-parti

politik dalam Barisan Nasional sudah mengorak satu langkah positif ke arah pencapaian integrasi nasional dan sudah memberi peluang kepada peserta-peserta lebih-lebih lagi dari Semenanjung Malaysia yang pertama kali melawat ke Sarawak untuk mengalami keadaan sebenarnya di Sarawak.

Rakyat kita di Sarawak juga berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam atas lawatan-lawatan beliau ke Sarawak dan kepada Yang Berhormat para Menteri dan Timbalan Menteri atas lawatan mereka ke Sarawak. Adalah harapan rakyat Malaysia di Sarawak, lawatan-lawatan ini akan memberi kesan positif dan menjalinkan semangat kemesraan dan muhibbah antara rakyat di Sarawak dan pucuk pimpinan di Kerajaan Pusat.

Saya juga, Tuan Yang di-Pertua, berterima kasih kepada Tan Sri Yang di-Pertua sendiri yang sudah bersusah payah melawat ke Sarawak bukan sahaja ke pekan-pekan termasuk juga ke tempat-tempat di luar bandar, ke sungai-sungai, ke jeram-jeram yang deras di kawasan pendalaman untuk meninjau keadaan setempat.

Saya berharap juga ramai lagi Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri-menteri termasuk juga Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini dapat melawat ke Sarawak supaya dapat memahami keadaan setempat di Sarawak.

Tuan Yan di-Pertua, saya sentiasa menyokong penuh atas usaha Kementerian-kementerian Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri yang telah mengadakan seminar-seminar ataupun bengkel-bengkel ataupun kemah kerja mengenai perkara bersabit dengan integrasi nasional. Saya kagum melihat masih berjalan sekarang seminar di Kuala Lumpur yang dianjurkan oleh Institute of Strategic

and International Studies (ISIS) tentang integrasi nasional.

Saya berharap segala rumusan dari seminar itu boleh menjadi panduan untuk digunakan oleh kita semua. Saya berharap juga seminar seperti ini dapat diteruskan dari masa ke semasa.

Mengenai pencapaian integrasi nasional, saya ingin membuat satu cadangan untuk dipertimbangkan. Biasanya perayaan sambutan Hari Kebangsaan selalu diadakan di Kuala Lumpur, berpusat di Kuala Lumpur, melainkan pada tahun 1985 berpusat di Melaka. Ini satu langkah yang baik, Sekiranya dapat diperluaskan lagi ke negeri-negeri yang lain dalam Malaysia seperti di Kuching, kami dengan penuh keikhkasan menerima menjadi tuan rumah apabila diadakan perayaan Hari Kebangsaan mahupun tahun hadapan ataupun tahun-tahun yang lain oleh kerana rakyat di Sarawak ingin bersama dengan rakyat di Semenanjung dan di Sabah mencapai integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, satu projek yang dirancang di Sarawak yang masa sekarang selalu menarik komen kadangkala begitu hangat iaitu Projek Hidro Bakun. Saya ingat Projek Hidro Bakun ini bercorak projek integrasi nasional. Dari segi teknik penjaan tenaga elektrik, menerusi Hidro Bakun mengikut hasil penyelidikan pakar-pakar adalah paling murah sekali dan terdapat tidak ada tempat di Malaysia yang mempunyai keupayaan seperti di Hidro Bakun. Apakah salahnya penjaan tenaga elektrik dibuat di Bakun Sarawak untuk digunakan ke seluruh Malaysia termasuk di Sarawak dan jika ada pesanan daripada negara-negara jiran, kita juga dapat membekalkan tenaga elektrik untuk integrasi international dengan negara-negara ASEAN, umpamanya.

Bagi hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, alangkah baiknya pada

Sarawak dengan bermurah hati memberi kemudahan penjaan tenaga elektrik yang murah untuk kegunaan kita semua untuk mengurangkan kos pengeluaran barang-barang dari industri perkilangan tempatan. Alangkah baik pada negara kita untuk membantu negara kita sendiri berdiri atas kaki sendiri yang akan menguntungkan kita sendiri menerusi penjaan tenaga elektrik yang murah "per unit cost of energy" dengan izin, Tuan Yang di-Pertua dari Bakun Hydro!

Dari semua langkah untuk menyusun semula masyarakat, saya percaya, Tuan yang di-Pertua, Projek Hidro Bakun akan memberikan peluang untuk "downstream industry" dan "spin off effects" dengan izin, dinikmati oleh semua lapisan rakyat.

Penempatan semula bagi rakyat ataupun rumah panjang yang terlibat menggunakan cara yang teratur di tempat yang sesuai untuk bercucuk tanam dan kawasan ini akan diberikan segala kemudahan seperti sekolah, klinik, jalan raya dan segala kemudahan di "growth centre" di tempat yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Bagi pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Hidro Bakun akan memberi banyak kebaikan dari segi penyusunan semula masyarakat, dari segi integrasi nasional, dari segi integrasi international, lebih-lebih lagi di negara ASEAN.

Sekiranya ada sedikit keburukan dan bantahan dari segelintir orang yang belum bersetuju dengan Projek Hidro Bakun ini, saya percaya, Tuan yang di-Pertua, tidak kita kuarir sangat oleh kerana banyak kebaikannya yang kita akan perolehi dibandingkan dengan apa sahaja pengorbanan yang kita buat.

Maka dengan itu, saya sekali lagi menyokong Belanjawan 1986.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

6.25 *ptg.*

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk bersama-sama membahaskan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan tempoh hari.

Dalam ucapan Menteri Kewangan tempoh hari sebanyak \$1,359 juta adalah diperuntukkan bagi sektor pengangkutan dan dari jumlah itu sebanyak \$965 juta ialah untuk membina jalan-jalan raya dan jambatan-jambatan. Dengan keadaan ekonomi yang merosot ini, saya mencadangkan supaya Kerajaan agar membina jalan-jalan raya itu ialah kepada apa yang lebih mustahak.

Hari ini jika dipandangkan di bandar-bandar bahawa jalan-jalan raya yang amat sibuk dengan kenderaan-kenderaan dan dengan demikian saya mencadangkan supaya Kerajaan membina jalan-jalan raya dari bandar yang dijangkakan bandar sibuk seperti Ibu Kota iaitu 8 km ataupun 6 batu dari bandar ke mana penghujung-penghujung jalan agar dibina secara "one-way". Misalnya, daripada Ibu Kota, jalan ke Pahang dibina secara one-way sekadar 8 km ataupun 6 batu. Begitu juga ke Ulu

Klang dibina secara one-way sekadar panjang 8 km. Jadi memberi erti bahawa tiap-tiap jalan daripada Ibu Kota yang difikirkan jalan itu sibuk dibina secara one-way. Begitu juga bandar-bandar di negeri-negeri lain seperti bandar Kuala Terengganu, Johor Bahru, Kota Bharu, Kelantan yang difikirkan bandar-bandar itu dijangkakan sibuk dengan kereta yang begitu banyak hendaklah dibina secara one-way dari 8 km ataupun 6 batu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup, sambung pada hari Isnin.

Ahli Yang Berhormat, sekarang kita telah mempunyai gym sendiri. Saya sukacita melihat banyak Ahli-ahli Yang Berhormat datang membuat exercise. Setelah dua minggu kita bersidang ini, adalah diharapkan Ahli-ahli Yang Berhormat balik ke rumah dalam keadaan yang lebih sihat dan berjumpa dengan orang-orang yang disayangi dan balik semula ke Parlimen pada hari Isnin dengan keadaan yang lebih cergas lagi (*Ketawa*).

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga hari Isnin pada jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.*